





● BIL 293 ● 20 - 26 DISEMBER 2024 ● PP19441/12/2018 (035014)

WILAYAHKU

www.wilayahku.com.my

LESTARI NIAGA

Ubah landskap penjaja

➤➤ 2-3

'Asal hujan je
banjir'
➤➤ 9-11

Rasai pengalaman baharu
bersama MBSB Bank
➤➤ 19

Sifar jenayah di Labuan
mampu dicapai
➤➤ 20

Inisiatif strategik Lestari Niaga

ANGKAT PENJAJA KECIL

LAPORAN: AZLAN ZAMBRY, AINI MAWAWI & DIANA AMIR

PROGRAM Lestari Niaga adalah inisiatif untuk menaikkan taraf penjaja dan peniaga kecil serta memberikan sokongan dalam meningkatkan prospek perniagaan mereka di Kuala Lumpur.

Selaku pentadbir bandar raya, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah mengeluarkan modal yang besar dalam melaksanakan rancangan pembangunan strategik dan pemerkasaan dengan penumpuan kepada golongan peniaga dan penjaja untuk memastikan mereka mempunyai infrastruktur, sokongan dan peluang yang diperlukan untuk mengembangkan perniagaan.

Melalui intervensi yang disasarkan dan sokongan berterusan, Lestari Niaga bersedia untuk mengubah landskap peniaga kecil, menjadikannya lebih mudah bagi mereka berjaya dan menyumbang kepada ekonomi Kuala Lumpur.

Bercakap kepada Wilayahku, Pensyarah Kanan Ekonomi Universiti Teknologi Mara (UiTM), **Dr Bashir Ahmad Shabir Ahmad** menyatakan bahawa program Lestari Niaga bertujuan mewujudkan ruang perniagaan yang lebih teratur dalam kalangan peniaga jalanan ke kawasan yang lebih strategik dan berkelompok di kawasan ibu kota.

"Sudah semestinya ini bersifat lebih baik kepada ekonomi tempatan terutama kepada golongan peniaga kecil dan penjaja kerana mereka akan mempunyai lokaliti perniagaan yang lebih dominan dari segi kunjungan pelanggan serta persekitaran yang selamat dan kebersihan yang lebih terjamin.

"Program ini juga perlu diambil kira dengan melihat kepada kawasan strategik perniagaan di Kuala Lumpur merangkumi dari utara ke selatan dan timur ke barat. Selain itu ia bukan semata-mata memberi tumpuan di Jalan Tunku Abdul Rahman (TAR) atau kawasan Pudu umpamanya, malah kemampuan program ini untuk jangka panjang bergantung kepada keupayaan Jabatan Wilayah Persekutuan dan DBKL dalam melaksanakan program ini secara berperingkat merangkumi semua kawasan yang telah dikenal pasti sebagai tumpuan orang ramai dan perniagaan dengan menyediakan tapak perniagaan dan kemudahan infrastruktur sewajarnya," katanya.

Bashir berkata, sebelum ini masalah yang timbul, banyak antara mereka menjalankan perniagaan tanpa lesen sah atau tidak membayar cukai selain kebersihan perniagaan khususnya melibatkan penyediaan makanan



MEDAN Selera Tanglin kini lebih selesa dan ceria sekali gus turut membawa limpahan rezeki kepada peniaga.

serta pemantauan harga barangan secara menyeluruh tidak dapat dilaksanakan maka berlaku soal penjualan harga barangan yang mahal.

"Maka dalam konteks ini, pelaksanaan program ini berupaya mengurangkan atau meminimalkan perkara tersebut dan DBKL akan mendapat hasil melalui tapak niaga yang disediakan melalui lesen perniagaan, peniaga dan penjaja boleh dikenal pasti dan dididik untuk membayar cukai perniagaan atau cukai pendapatan yang mampu memberi manfaat kepada hasil negara.

"Malah dari aspek kebersihan, kualiti serta pemantauan harga juga mampu dilaksanakan oleh agensi berkaitan dengan lebih tersusun dan teratur. Ini jelas memberi manfaat tiga penjur u iaitu pelanggan, DBKL/ negara dan seterusnya peniaga," katanya.

Bashir berkata, program tersebut bertujuan positif dengan menyediakan ruang niaga yang lebih fleksibel, teratur dan tersusun di samping meningkatkan kualiti hasil jualan.

"Dengan melaksanakan program ini di lokaliti yang menjadi tumpuan pelancong dan orang ramai, peniaga dan penjaja kecil akan memperoleh manfaat ketersediaan pelanggan dan mewujudkan persaingan secara lebih kompetitif dalam kalangan mereka dari segi harga serta kualiti barangan dan makanan yang dijual," katanya.

Menurut Bashir, antara cabaran kawal selia yang dihadapi dalam melaksanakan program ini adalah untuk menyediakan ruang niaga mengikut lokaliti tumpuan dengan jumlah peniaga dan penjaja kecil yang berjumlah ribuan tetapi kapasiti tapak perniagaan baru

tidak mampu untuk menampung angka ini.

"Masalah kedua, terdapat segelintir peniaga dan penjaja yang diberi peluang dalam program ini telah menyewa atau menjual secara tidak sah ke pihak ketiga terutama warga asing yang mana ini menimbulkan satu perspektif yang tidak sihat untuk ekonomi tempatan wilayah.

"Maka menjadi tanggungjawab JWP dan DBKL untuk memantau perkara ini supaya kesaksamaan dalam perniagaan bag golongan berkenaan dapat diagihkan secara telus dan menyeluruh merangkumi golongan tempatan," katanya.

Katanya, program ini berupaya menangani ekuiti sosial dalam kalangan peniaga dan penjaja kecil jika kemampuan program mampu dilaksanakan untuk jangka masa panjang bagi memastikan sumber sedia ada dapat digunakan sepenuhnya dan peluang menyeluruh dapat diberikan kepada peniaga dan penjaja kecil di luar sana.

"Pada masa yang sama program ini hendaklah diatur dan dirancang mengikut kawasan di Kuala Lumpur secara berperingkat bagi memastikan objektif pelaksanaan dan penyampaian dapat dilaksanakan secara total," katanya.

Beliau berkata, apabila pelaksanaan program ini dilakukan dan secara menyeluruh, maka pokok utama adalah kebajikan peniaga dan penjaja kecil akan lebih terbela dengan adanya kawasan perniagaan yang strategik untuk mereka mencari punca pendapatan secara lebih konsisten dan stabil.

"Sekurang-kurangnya jika berlaku kegawatan dan krisis ekonomi, peniaga-peniaga ini masih mempunyai ruang yang digazetkan untuk mereka berniaga tanpa perlu risau atau memikirkan ke mana hala tuju

mereka dalam situasi itu ditambah dengan bantuan kerajaan yang bakal menyusul seperti moratorium dalam keadaan ekonomi yang tidak stabil atau merudum," katanya.

Dalam pada itu, Bashir berkata program tersebut akan diteruskan bagi tahun 2025 dengan 20 projek baru yang bakal memberi manfaat kepada hampir 1,300 golongan peniaga di Kuala Lumpur.

"Maka wajarlah ia menjadi satu usaha berterusan oleh kerajaan dan kementerian untuk memastikan program ni dimasukkan dalam

belanjawan tahunan negara sebagai salah satu indikator kemajuan ekonomi tempatan bagi Wilayah Persekutuan.

"Dengan menyediakan persekitaran yang lebih kondusif, selamat, terjamin, bersih, selesa dan menjaga kebajikan peniaga serta memberi keutamaan kepada permintaan pelanggan yang inginkan Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar raya yang dipacu oleh sektor ekonomi tempatan yang mampan, tersusun, terancang dan berstruktur," katanya. 

PUSAT PENJAJA MILIK DATUK BANDAR KUALA LUMPUR

1. Kedai Bunga Jalan Scott
2. Pusat Penjaja Setiawangsa (Fasa 2)
3. Medan Selera Damai (Jalan Batu Bata)
4. Medan Selera Seksyen 10 (Fasa 1)
5. Pusat Penjaja Little India (Kedai Burung)
7. Medan Aneka Leboh Ampang
8. Pusat Penjaja Mega Mendung
9. Pusat Penjaja Little India III (Pasaraya Sri Kota)
10. Gerai Tugu Negara
11. Kompleks Tempat Letak Kereta (TLK) Brickfields
12. Pusat Penjaja PT43 Jalan Haji Salleh
13. Penjaja Jalan Kuari
14. Pusat Penjaja Leboh Pudu (Belakang Kota Raya)

PUSAT PENJAJA MILIK AGENSI LUAR

15. Medan Selera Tanglin

GERAI STATIK SEKITAR W.P KUALA LUMPUR

16. Lorong Perak (Fasa 1)
17. Taman Million (Jalan Ipoh)

PUSAT PENJAJA MILIK AGENSI LUAR

18. Naik taraf Medan Selera Jalan Raja Muda Abdul Aziz - Fasa 2

GERAI STATIK SEKITAR W.P KUALA LUMPUR

19. Penjaja Pocket Park Changkat Bukit Bintang
20. Arked Ibu Kota (Fasa 2)

Inisiatif strategik Lestari Niaga

RUANG NIAGA LEBIH CERIA

USAHA berterusan Kerajaan MADANI menambah baik gerai-gerai penjaja kecil di sekitar Kuala Lumpur mendapat sokongan dan perhatian segenap lapisan masyarakat. Inisiatif bukan sahaja meningkatkan imej yang lebih ceria dan memberikan keselesaan kepada peniaga dan pengunjung, malah memberi pengalaman baharu kepada warga kota untuk menjamu selera secara keseluruhan dan menyokong mata pencarian penjaja tempatan.

Infrastruktur yang lebih baik, kemudahan yang lebih bersih, menjadikan pusat penjaja lebih menarik untuk pelanggan, manakala gerai yang dinaik taraf membantu penjaja beroperasi dengan lebih cekap.

Faedah berganda ini dilihat sebagai menang-menang untuk kedua-dua penjaja dan pelanggan, memupuk budaya penjaja yang bertenaga dan mampan. Sokongan masyarakat terhadap usaha ini menekankan kepentingan memelihara dan mempromosikan tradisi masakan tempatan sambil memastikan penjaja dapat berkembang maju dalam pasaran yang kompetitif sekali gus merancakkan lagi ekonomi golongan berkenaan.

Apa kata peniaga dan pengunjung terhadap usaha DBKL memperelokkan premis-premis Lestari Niaga. 

“SAYA sudah lama berniaga di sini, apabila pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mencantikkan kawasan ini dengan sedikit lukisan mural,



kemudahan surau serta bumbung untuk penunggang motosikal, kita sebagai peniaga pun seronok sebab kawasan lebih ceria berbanding dahulu.

“Diharapkan dengan usaha ini mampu memberi nafas baharu buat para peniaga di sini.

Terima kasih kepada DBKL kerana ia berjaya menarik pengunjung pelbagai bangsa selain pelancong dari luar juga.

“Dari segi penambahbaikan pula, mungkin boleh tambah kemudahan WiFi untuk menarik lebih ramai golongan muda memandangkan mereka lebih memilih kawasan yang menyediakan kemudahan Internet untuk duduk, makan dan lepak bersama rakan.”

HAWA AZIZAH AMAN

Peniaga Pusat Penjaja Setiawangsa (Fasa 2)



“ALHAMDULILLAH memang ada peningkatan yang baik di kawasan kami. Peniaga dan pengunjung teruja melihat medan selera ini semakin berseri dan bersih. Jika sebelum ini tandas kita hanya bertaraf tiga bintang

tetapi sekarang sudah naik kepada empat bintang selain lukisan mural turut menambah keceriaan ruang yang ada.

“Selain usaha DBKL, saya juga menggalakkan peniaga di sini mengambil inisiatif sendiri untuk mencantikkan lagi kawasan gerai mereka. Saya kira, lokasi di premis yang bersih akan berjaya menarik lebih ramai pengunjung.”

ABDUL HALID MAT KARIM

Pengerusi Usahawaniaga Taman Setiawangsa & Peniaga Pusat Penjaja Setiawangsa (Fasa 2)

“ANTARA usaha yang dilakukan bagi mencantikkan kawasan ini adalah dari segi lukisan mural di beberapa bahagian medan selera, tambahan papan tanda selain setiap kerosakan telah pun dibaiki.

“Saya bersyukur dapat berniaga di sini kerana bukan mudah untuk mendapat tempat. Kawasannya yang luas dan selesa sangat memudahkan kami sebagai peniaga.

Dengan bayaran sewa yang rendah juga tidak membebankan peniaga, namun saya juga mengharapkan pihak DBKL dapat membantu para peniaga untuk terus mempromosikan kawasan ini kepada orang ramai memandangkan pelbagai fasiliti telah pun disediakan seperti parkir, tandas dan surau.



DAMNA HUSIN

Peniaga Medan Selera Singgang MADANI @ Damai

“SAYA sangat berterima kasih kepada pihak DBKL atas usaha giat menambah baik kawasan ini kerana ia merupakan tumpuan pengunjung. Sebagai peniaga saya sangat bersyukur.



Berbanding dahulu, sekarang jauh lebih selesa. Saya lihat pengunjung kedai kami juga lebih santai dan menghabiskan masa yang lama makan bersama keluarga.

“Dalam masa sama, saya harap

semua peniaga dan juga pengunjung perlu bersatu hati untuk menjaga fasiliti lengkap yang ada dan jauhi vandalisme kerana kita semua tahu bukan mudah untuk mendapatkan kawasan yang selesa seperti ini. Jadi, tolonglah harga.”

NORAINI ABDUL LATIFF

Peniaga Medan Selera Tanglin

“PUJIAN harus diberikan di atas usaha DBKL dalam mencantikkan medan selera di sekitar Kuala Lumpur. Di Medan Selera Bandar Tun Razak ini segala kemudahan yang disediakan sangat bagus dan disambut baik oleh semua peniaga mahupun pengunjung.

“Kita juga diberikan kemudahan tempat letak kereta berbayar buat pengunjung. Dari segi fasiliti tandas, peniaga dan pengunjung diberi kawasan tandas yang berbeza untuk



MOHD NOH KASIRAN

Peniaga Medan Selera Bandar Tun Razak

“SEJUJURNYA saya sangat berterima kasih kepada pihak DBKL atas usaha murni yang dilakukan kepada Kedai Bunga di Jalan Scott.

“Memandangkan lokasi kami berhadapan dengan kuil, jadi kedai di sini menjadi tumpuan pelancong India terutamanya untuk mendapatkan bunga-bunga segar di kedai kami bagi acara penting. Jadi, apabila ia diberi sentuhan yang hebat seperti lukisan mural dan sebagainya, maka ia turut memberi kesan positif dari segi peningkatan pelancong yang datang bukan sahaja untuk membeli bahkan untuk bergambar.

“Cuma untuk penambahbaikan, kami memerlukan tong sampah yang besar untuk memastikan tempat ini terus terpelihara dan bersih setiap masa.”

CHANGAPILLAI

Peniaga Kedai Bunga, Jalan Scott

“PERTAMA kali menjejakkan kaki ke Medan Selera Singgang Madani @ Damai, saya dapat rasakan tempat ini luas, bersih dan selesa.



Dengan kemudahan meja dan kerusi yang banyak, mampu memuatkan lebih ramai pengunjung dalam satu masa. Kawasan berbumbung pastinya memberi keselesaan buat pengunjung terutama ketika cuaca panas dan hujan.

“Di sini juga mempunyai sebanyak 40 gerai yang menjual pelbagai jenis makanan dan minuman, termasuk gerai singgang yang pernah tular sebelum ini.”

SITI HADZAR MOHD NAWI

Pengunjung

“SAYA salah seorang pelanggan setia Kedai Bunga di Jalan Scott kerana saya sering ke kuil berdekatan. Bagi saya kawasan ini sememangnya strategik kerana memudahkan pengunjung India mendapatkan pilihan bunga yang mereka inginkan.

“Saya perhatikan kawasan ini menjadi tumpuan pelancong luar negara, mereka yang datang kelihatan sangat teruja mengambil gambar untuk media sosial dan sebagainya.



JAY

Pengunjung

“SEBELUM ini saya kerap juga makan di Pusat Penjaja Little India kerana makanan serta harga yang ditawarkan berbaloi dan kena dengan cita rasa saya.

“Saya sangat menyokong usaha DBKL mencantikkan kawasan ini dengan sedikit lukisan serta cat baru menjadikan bangunan ini lebih segar dan ceria sekali gus saya rasa ia dapat menarik lebih ramai pelancong luar kerana di sini juga kawasan tumpuan untuk mendapatkan barang keperluan.”

Cadangan saya, mungkin selepas ini pihak berkaitan perlu sentiasa memastikan kawasan persekitaran kekal bersih dan terjaga setelah mereka berusaha keras mencantikkan kawasan ini.”



MOGANA NEELAUTAMAN

Pengunjung



“SAYA selalu datang menjamu selera di Medan Selera Tanglin sejak dari dahulu lagi kerana gemarkan rasa air teh yang sedap di sini. Harga pun sangat berpatutan meskipun ia berada di kawasan tengah bandar.

“Penambahbaikan yang dilakukan di sini adalah sesuatu yang ‘wow’ bagi saya kerana jika dahulu, tempat duduk hanya menggunakan kerusi plastik yang sudah pecah, kipas tiada menyebabkan kawasan ini panas dan sebagainya. Kini wajah baharu sangatlah selesa.”

FADZIL ABDULLAH

Pengunjung

“WAJAH baharu ini pastinya dapat menarik lebih ramai pelanggan manakala dari segi penambahbaikan yang diperlukan mungkin perlu

menambah kawasan berbumbung untuk menjadikan ruang kedai lebih luas.”



SIVADASS MENASOME

Pengunjung

SASARAN DAGANGAN RM134 BILION PADA 2027

LAPORAN: AINI MAWAWI, AZLAN ZAMBRY & METRA SYAHRIL MOHAMED

MALAYSIA dan Thailand menyatakan komitmen untuk mencapai sasaran dagangan dua hala antara kedua-dua negara sebanyak RM134 bilion menjelang 2027.

Komitmen itu disuarakan dalam kenyataan bersama Perdana Menteri, **Datuk Seri Anwar Ibrahim** dan Perdana Menteri Thailand, **Paetongtarn Shinawatra** sejurus selepas Rundingan Tahunan Malaysia-Thailand Ke-7 (7th Annual Consultation - AC) di Putrajaya pada Isnin lalu.

Rundingan tersebut diadakan bersempena lawatan sulung Paetongtarn ke negara ini sejak memegang tampuk kerajaan pada Ogos lalu.

Selain komitmen untuk perkukuh sektor pelancongan kedua-dua negara, Anwar dan Paetongtarn menekankan kepentingan kepada sektor-sektor strategik seperti industri getah dan halal.

Menurut kenyataan bersama itu, kedua-dua pemimpin mengakui peranan penting sektor swasta dalam pengukuhan perkongsian ekonomi antara Malaysia dan Thailand.

"Kedua-dua Perdana Menteri turut menyoroti kepentingan ekonomi digital dan menggalakkan pihak berkuasa yang berkaitan meneroka kerjasama lebih mendalam melalui perjanjian persefahaman (MoU) antara Agensi Penggalakan Ekonomi Digital (DEPA) Thailand dan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC).

"MoU berkenaan ditandatangani tahun lalu untuk mewujudkan persekitaran kondusif yang menarik sokongan pelabur untuk syarikat teknologi berpotensi di kedua-dua negara," jelas kenyataan bersama itu yang dikongsi Wisma Putra.

Kenyataan bersama itu menambah, kedua-dua pemimpin turut mengalu-alukan usaha untuk mempromosikan pelancongan dan memudahkan pergerakan pelancong antara Malaysia dan Thailand serta rantau yang lebih luas.

Dalam hal ini katanya, kedua-dua Perdana Menteri menyambut baik perbincangan lanjut oleh pegawai kedua-dua negara mengenai skim 'Enam Negara, Satu Destinasi' yang dicadangkan Thailand.

Dalam hal yang sama, kedua-dua negara bersetuju untuk meneroka potensi kempen bersama untuk mempromosikan inisiatif Tahun Melawat Malaysia 2026 dan Amazing Thailand Grand Tourism Year 2025 serta



ANWAR dan Paetongtarn memberi penekanan kepada usaha mengukuhkan lagi hubungan ekonomi antara Malaysia dan Thailand.

menyatakan sokongan terhadap kempen pelancongan masing-masing.

Menyedari bahawa ekonomi halal global bakal mencapai RM22.3 trilion menjelang 2030, kedua-dua pemimpin bersetuju membangunkan lebih banyak keserasian industri halal di kedua-dua negara.

"Ini termasuk meneruskan aktiviti promosi eksport bersama bagi barangan dan perkhidmatan halal; pertukaran amalan terbaik dan pengetahuan perniagaan; penyelidikan dan pembangunan produk halal serta

kerjasama yang lebih aktif melibatkan sektor awam dan swasta Malaysia dan Thailand.

"Malaysia bersedia menyokong pegawai Thailand dalam membangunkan ekosistem halal tempatan dengan menawarkan kursus di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP).

"Inisiatif ini akan memberikan peluang bagi Thailand untuk mendapatkan pandangan tentang piawaian dan amalan halal sambil membantu mengukuhkan sektor halalnya," kata kenyataan bersama itu.

Nilai teras MADANI bukti kejayaan

"**NILAI-NILAI** besar MADANI iaitu Kemampanan, Kesejahteraan, Daya-Cipta, Hormat, Keyakinan dan Ihsan menjadi tonggak utama pentadbiran negara dalam membentuk sebuah Malaysia yang progresif, inklusif dan berdaya saing," ujar Penganalisis Politik, **Ts Nurul Aishah Ab Raman**.

Beliau berkata, nilai Kemampanan diperkukuh melalui dasar hijau seperti pelaburan besar dalam tenaga boleh diperbaharui dan insentif kenderaan elektrik (EV), untuk memastikan kelestarian jangka panjang.

"Sementara itu, Kesejahteraan rakyat diberi keutamaan dengan pelaksanaan subsidi bersasar, peningkatan gaji minimum dan Belanjawan 2025 yang menekankan pendidikan serta kesihatan.

"Dalam aspek Daya-Cipta, kerajaan menggalakkan inovasi teknologi dengan menarik pelaburan syarikat antarabangsa seperti Microsoft dan Amazon, menjadikan Malaysia hab teknologi serantau," ujar beliau kepada Wilayahku ketika diminta mengulas berkenaan enam nilai besar negara di bawah kepimpinan Kerajaan MADANI.

Tambahnya, nilai Hormat dipupuk melalui dialog antara kaum dan agama, mempromosikan perpaduan dalam masyarakat majmuk.

"Keyakinan rakyat terhadap pentadbiran diperkuat dengan usaha reformasi institusi dan tindakan tegas terhadap rasuah, membuktikan komitmen kerajaan terhadap integriti.

"Nilai Ihsan pula tercermin melalui bantuan kepada mangsa bencana alam, seperti banjir dan penglibatan aktif dalam isu kemanusiaan global, termasuk sokongan penuh kepada Palestin melalui Minggu Solidariti Palestin," ujar beliau yang juga Pensyarah Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam.

Tambah beliau, aplikasi nilai-nilai ini bukan sahaja membuktikan komitmen kerajaan terhadap pembangunan holistik tetapi juga mencerminkan keprihatinan mendalam terhadap rakyat.

"Ia mengukuhkan Malaysia sebagai negara yang stabil, harmoni dan bersedia menghadapi cabaran global dengan lebih yakin," katanya.

KL Strike Force bertindak atas rungutan

PASUKAN KL Strike Force akan menjalankan penguatkuasaan secara aktif bagi mengekang kegiatan jurugambar amatur di sekitar Menara Berkembar Petronas (KLCC) di ibu negara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa** berkata ini selepas pihaknya mendapat rungutan ramai pihak mengenai perkara itu.

Menurut beliau, rungutan itu antaranya jurugambar amatur yang dikatakan memaksa orang ramai atau pelancong menggunakan perkhidmatan mereka jika hendak bergambar berlatarkan KLCC.

"Saya ada dengar rungutan daripada warga kota, ada yang sampaikan secara terus pada saya, ada juga yang komen di media sosial. Jangan risau, saya baca dan teliti walaupun saya tak sempat nak balas semua.

"Antaranya isu jurugambar amatur yang dikatakan 'memaksa' untuk mengambil perkhidmatan mereka. Saya dimaklumkan sebelum ini, pihak KLCC sebagai pemilik premis, tidak benarkan mereka ini untuk berada di kawasan premis itu.

"Tetapi berdasarkan gambar-gambar yang dihantar kepada saya dan saya tengok sendiri (dalam

tinjauan di KLCC), ada daripada mereka yang berada di seberang jalan, mungkin menimbulkan rasa tidak senang dalam kalangan pengunjung," katanya.

Zaliha memberitahu sepanjang tahun ini, pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) memaklumkan mereka tidak menerima sebarang laporan daripada orang awam atau pengunjung berhubung kehadiran jurugambar amatur ini di sekitar KLCC.

"Jadi saya nak ingatkan kepada semua, selain penguatkuasaan yang sedang berjalan secara aktif di bawah inisiatif KL Strike Force,

orang ramai juga perlu main peranan.

"Pertama adalah tidak mengambil perkhidmatan tersebut, kerana tiada 'willing buyer' maka tak akan ada 'willing seller'," katanya.

Keduanya jelas beliau, sekiranya ada perkhidmatan yang menimbulkan rasa tidak senang dalam kalangan orang ramai, segera laporkan di balai polis berhampiran untuk tindakan pihak penguatkuasaan.

"Dengan cara ini, anda semua turut membantu pihak penguatkuasaan. Insya-Allah isu ini akan selesai jika semua pihak memainkan peranan masing-masing, termasuk orang

awam," katanya.

Terdahulu, beliau memetik laporan Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kuala Lumpur yang memaklumkan dua daripada jurugambar amatur tersebut sudah didakwa di mahkamah sebelum ini.

Mereka ini diambil tindakan berdasarkan laporan pihak Polis Bantuan KLCC dan didakwa kerana menceroboh dalam kawasan KLCC.

Selain itu, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Dang Wangi telah menjalankan operasi di sekitar KLCC pada bulan lalu dan hasil operasi tersebut, lima lelaki ditahan setelah pemeriksaan dokumentasi dilakukan.

AI dituduh jadi punca rakyat hilang pekerjaan

TINGKAT KDNK NEGARA

TEKNOLOGI kecerdasan buatan (AI) jadi punca rakyat bakal hilang pekerjaan? Keghairahan kerajaan mengangkat AI beri kesan negatif kepada rakyat?

Macam-macam tuduhan negatif yang dilemparkan segelintir netizen kepada kerajaan apabila membawa masuk teknologi AI.

Jangan bimbang kerana Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim terlebih dahulu meneliti hal ini kerana sikap prihatinnya terhadap rakyat.

Menurut Anwar, AI diyakini tidak akan menyebabkan kehilangan pekerjaan, sebaliknya ia menuntut latihan dan daya pemikiran yang lebih inovatif dalam menghadapi cabaran tersebut.

Anwar yang juga Menteri Kewangan itu berkata, peralihan teknologi itu akan mengubah landskap kepakaran sesebuah industri dan memberikan peluang untuk pengembangan kemahiran dalam bidang teknologi.

"Saya tidak terlalu bimbang. Jika kita lihat, setiap kali berlaku revolusi industri, orang ramai akan bimbang. Begitu juga dengan kemajuan dalam teknologi maklumat (IT), namun kita mampu menanganinya.

"Yang penting adalah keupayaan pemikiran untuk menyelesaikan masalah ini. Namun, latihan yang mendalam dan mendesak sangat diperlukan," ujar beliau semasa berucap pada Majlis Perasmian Pejabat Kecerdasan Buatan Kebangsaan (NAIO), Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Perdana Menteri turut menggariskan bahawa teknologi digital termasuk AI adalah pemangkin penting untuk meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)



ANWAR (tiga dari kanan) pada Majlis Perasmian Pejabat Kecerdasan Buatan Kebangsaan (NAIO), Kuala Lumpur.

negara dan mencapai status negara berpendapatan tinggi.

Dalam hal ini, Anwar menekankan keperluan untuk meningkatkan literasi digital dalam kalangan rakyat Malaysia khususnya penjawat awam dan pemimpin politik.

"Kaedah lama perlu melalui peralihan atau anjakan paradigma yang menuntut perubahan sistem. Anjakan ini akan membantu mengenal pasti kefahaman yang

lebih mendalam.

"Kita harus faham bahawa tanpa kepantasan luar biasa, kita akan tewas dan cita-cita kita hanya akan menjadi impian. Oleh itu, membina ekosistem yang kukuh adalah kemestian termasuk mewujudkan Pejabat NAIO untuk merancang dan menyelaras hasrat kita," katanya lagi.

Penubuhan Pejabat NAIO diharapkan dapat memperkukuhkan ekosistem digital negara dan memastikan

Malaysia berada di landasan yang betul untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang 2025.

Percayalah, Perdana Menteri telah pun memikirkan yang terbaik untuk rakyat sebelum melaksanakan sesuatu perkara.

Jadi, usahlah kita cepat melenting atau berfikiran negatif yang boleh menghalang negara untuk terus maju dalam menguasai teknologi.

PLKN bukan bersifat kerahan

KECOH dalam media sosial tentang isu Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) 3.0 yang dituduh kononnya tidak mempunyai matlamat yang jelas dan hanya membazirkan wang rakyat.

Dakwa mereka, PLKN 1.0 dan 2.0 tidak membawa apa-apa kesan kepada peserta, buat apa nak membazir duit sedangkan rakyat dalam kesusahan.

Persoalannya, segelintir netizen ini faham atau tidak maksud PLKN dan apa tujuan program tersebut diwujudkan? Jangan hanya tuduh sesedap hati tanpa mengkaji.

Sedangkan kita semua patut tahu PLKN itu banyak manfaatnya terutamanya kepada generasi muda.

Menurut Menteri Pertahanan, Datuk Seri Khaled Nordin, PLKN 3.0 bakal menggunakan pendekatan bersifat kebangsaan serta mengikut acuan budaya dan kerencanan masyarakat di negara ini.

"PLKN 3.0 juga bukanlah satu program ketenteraan, bersifat

kerahan yang mahu menyediakan pasukan tentera seperti di Korea Selatan, Singapura ataupun Taiwan.

"Sebaliknya ia satu intervensi yang bertujuan menyemai patriotisme, memupuk perpaduan dalam kalangan generasi muda, membina kepimpinan dan disiplin diri serta menanam pemahaman yang jelas terhadap isu nasional seperti kenegaraan, kerencanan kaum, pertahanan dan aspek-aspek kritikal lain dalam pembinaan sebuah negara bangsa," katanya ketika menjawab soalan Ahli Dewan Negara, Senator Roderick Wong Siew Lied, baru-baru ini.

Dalam pada itu, Khaled turut menjelaskan bahawa PLKN 3.0 dilaksana dengan penambahbaikan dan konsep baharu berasaskan kajian dan dapatan yang dijalankan pada tahun 2021 hingga 2023.

"Konsep yang baru ini direka bentuk secara lebih menyeluruh dan berkesinambungan dengan pendekatan bersepadu yang

merangkumi beberapa fasa bermula daripada pengenalan PLKN di sekolah, diteruskan dengan fasa latihan asas dan akhirnya digalakkan semua mereka yang telah melalui untuk menyertai Program Khidmat Negara.

"Sama ada mereka menyertai angkatan tetap, angkatan simpanan ataupun mereka mohon untuk menjadi sukarelawan di pelbagai kementerian yang ada di dalam negara kita," katanya.

Menurut Datuk Seri Khaled, kajian terakhir dilaksanakan sendiri oleh pihak Kementerian Pertahanan iaitu pada 2021-2022 disusuli kajian oleh Persatuan Pendidikan Diversiti pada tahun lalu.

Jelasnya, PLKN 3.0 juga tidak melibatkan kos yang besar berbanding PLKN 1.0 dan PLKN 2.0. Kementerian Pertahanan mengekalkan kadar elaun RM8 sehari kepada peserta PLKN 3.0 yang akan bermula Januari ini.

"Setakat ini (RM8) kita kekal,

program itu belum bermula. Jadi biarlah mula dulu," katanya kepada pemberita pada Majlis Perasmian dan Penyerahan Projek di bawah Program Kampung Angkat MADANI-MINDEF di Balai Raya Kampung Baru Pasak, Kuala Lumpur.

Sebelum ini, Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Mengenai Keselamatan dilaporkan membentangkan laporan berkaitan PLKN 3.0 termasuk mengesyorkan kadar elaun peserta dinaikkan ke RM50 sehari.

Dalam pada itu, Mohd Khaled yang juga Ahli Parlimen Kota Tinggi berkata insiden buli dan provokasi antara peserta PLKN 3.0 mampu dielakkan kerana program berkenaan berlangsung dalam tempoh singkat.

"PLKN 3.0 akan dilaksanakan dalam tempoh 45 hari di dalam kem tentera. Berasaskan kepada soal itu kita percaya soal itu (buli dan provokasi) akan dapat ditangani," katanya.

MENARIK WILAYAHKU



KUALA LUMPUR

21-22/12/24: Festival Warisan Sabah @ Muzium Negara

23/11-23/12/24: Pameran Jejak Beribu Tahun @ Balai Seni Negara

1/1/25: KL New Year Run 2025 @ Dataran Merdeka, KL

11-12/1/25: KLPJ Wedding Fair @ KLCC



PUTRAJAYA

27-29/12/24: Zumba LAMPU @ Perbadanan Putrajaya

27-31/12/24: Festival Light & Motion Putrajaya (LAMPU) 2024

15/2/25: Putrajaya Night Race @ Dataran Wawasan



LABUAN

20-22/12/24: Pertandingan Seni Silat Perguruan Persatuan Seni Silat Cengkam Harimau Ghaib & Malam Adat Istiadat Perguruan 2024

28/12/24 -1/1/25: Labuan Ambang 2025 Open Fours @ Arena Boling Padang Antarabangsa Labuan

31/12/24: International Character Costume Night Run 2024 @ Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan

TALIAN KECEMASAN

Talian Kecemasan Negara (Polis, Bomba, Hospital, Pertahanan Awam, MARITIM): **999**

Talian Kasih KPWK: **15999**

Cyber 999: **1-300-88-2999 / 019-266 5850**

DALAM sesi sidang Dewan Undangan Negeri (DUN), kelibat dan kualiti penyampaian perbahasannya sentiasa mendapat perhatian ramai.

Tutur katanya cukup teratur dan jelas biarpun berdepan dengan senior-senior di pihak parti lawan. Malah beliau sering 'menyekolahkan' pembangkang terutama pertikaian berkaitan Peraturan Tetap sidang DUN selain isu-isu pentadbiran.

Biarpun begitu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Subang Jaya, Yang Berhormat (YB) **MICHELLE NG MEI SZE** tetap merendah diri dan membuat teguran demi teguran untuk kebaikan bersama khususnya bagi rakyat Selangor.

Kepada wartawan Wilayahku, **METRA SYAHRIL MOHAMED**, beliau yang juga seorang peguam dan berkelulusan dari London School of Economics turut menceritakan mengenai iltizamnya dalam Program Senior Internship.



MICHELLE sentiasa mendekati rakyat bagi memastikan apa jua mesej-mesej kerajaan disampaikan secara tepat.

Dalam sidang DUN, YB banyak kali 'menyekolahkan' ADUN pembangkang. Bagaimana YB melihat kualiti mereka, baik dari segi perbualan mahupun lontaran idea untuk bersama memajukan Selangor?

Berkenaan perkara ini, kualiti perbualan atau cadangan yang diperkenalkan (pembangkang) adalah sekadar membakar sentimen untuk mendapatkan 'view' di TikTok.

Sesiapa yang mengikuti sidang DUN perlulah mengikutinya secara keseluruhan kerana barangkali, apabila pembangkang sudah dapat *content* yang cukup, maka mereka kemudiannya akan menarik balik kenyataan, tidak lagi mempertahankan hujah apabila dicabar ataupun tidak mengambil pencelahan pihak *backbenchers*.

Jadi video yang disunting untuk tujuan media sosial tidak memberi gambaran yang menyeluruh. Sebagai pembangkang yang bertanggungjawab, mereka haruslah menyedangkan idea yang bernas demi kemajuan negeri Selangor atau memainkan peranan semak dan imbang sewajarnya.

Pembangkang melaungkan keyakinan mampu merampas Selangor dalam pilihan raya akan datang. Bagaimana pula dengan Kerajaan Perpaduan?

Bagi Kerajaan Perpaduan, kami diberikan amanah sepertimana keputusan Pilihan Raya Negeri (PRN) yang lepas. Pihak kami akan memikul amanah tersebut dengan penuh tanggungjawab. Kita yakin dapat mempertahankan negeri Selangor memandangkan kemajuan yang dibawa melalui reformasi

Michelle tegur pembangkang

'TOLONG SEDIAKAN IDEA BERNAS'

institusi, program kebajikan dan prestasi kewangan Kerajaan Negeri Selangor sejak 2008.

Bagi DUN Subang Jaya, apa kehendak dan keperluan yang menjadi desakan rakyat ketika ini? Dan bagaimana YB perlu menyelesaikannya?

Bagi DUN Subang Jaya, salah satu isu utama adalah kesesakan lalu lintas. Berkenaan perkara ini, pihak kami mendapatkan pandangan bahawa terdapat isu kesalinghubungan pengangkutan awam perlulah ditambah baik memandangkan penambahan kereta di atas jalan raya yang melebihi kapasiti reka bentuk.

Jadi pentingnya untuk kita sebagai kerajaan menggalakkan rakyat menggunakan pengangkutan awam. Bagi menyelesaikan isu ini secara berperingkat, pejabat kami berganding bahu bersama pihak swasta, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) ataupun daripada kapasiti pihak Majlis Bandaraya Subang Jaya untuk memperkenalkan:-

- Laluan bas T792 pada 2019;
- 'Kumpool', iaitu sebuah platform 'ride sharing' pada 2021;
- Mobi iaitu sebuah platform

'Demand-Responsive Transit (DRT)' pada 2023;

d. DRT daripada Prasarana pada tahun ini; dan

e. Laluan basikal (Fasa 1) di sekitar kawasan SS15-SS16 untuk mempermudah kegunaan basikal di Subang Jaya menggunakan peruntukan Program Selangor Penyayang.

Idea YB untuk melibatkan warga emas dalam Program Senior Internship amat baik bagi membolehkan golongan itu terus menyumbang idea dan berbakti kepada rakyat. Sejauh mana pandangan rakyat terhadap usaha ini? Apakah sudah ada yang memohon? Syarat-syaratnya?

Bagi Program Senior Internship ini memang perkara yang lama pejabat kami telah kaji dan memutuskan untuk menjalankan pada tahun ini kerana pengalaman dan pengetahuan golongan warga emas yang dikumpul sepanjang masa mereka bekerja wajar dimanfaatkan.

Kami juga sentiasa mendapat permintaan daripada golongan ini bahawa mereka ingin menyumbang dengan memberi pandangan



ataupun secara sukarelawan.

Justeru, pejabat kami berasa amat wajar untuk memperkenalkan program ini dan memberikan platform kepada mereka. Sehingga 9 Disember, pejabat kami menerima hampir 40 pemohon daripada pelbagai latar belakang. Secara asas, syarat-syarat yang diperlukan adalah:

- Berusia 60 ke atas;
- Mempunyai pengalaman asas menggunakan komputer; dan
- Mempunyai pengangkutan sendiri.

Sebagai Pengerusi Jawatankuasa Khas Penambahbaikan Perkhidmatan Penjagaan (JKPPP), bagaimana situasi perkhidmatan penjagaan bagi kanak-kanak, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) di Selangor? Hal demikian kerana kes penderaan dan penderaan seksual kanak-kanak di Selangor tertinggi dalam negara selama tiga tahun berturut-turut.

Bagi perkara ini, secara dasar memang JKPPP diperkenalkan adalah untuk menyemak, menilai dan menambah baik undang-undang yang berhubung kait dengan pusat-pusat ini. Sudah tentu terdapat pusat-pusat yang tidak mengikut piawaian ditetapkan dan demi memelihara kebajikan golongan tersebut, JKPPP memastikan bahawa penambahbaikan yang diperlukan akan diperkenalkan untuk membanteras kes penderaan atau penderaan seksual kanak-kanak secara menyeluruh. Niat kita adalah menyemak semula garis panduan sedia ada untuk menggalakkan lebih banyak premis berdaftar dengan kerajaan. Dengan itu, pihak kerajaan dapat memberi latihan kepada pengusaha pusat jagaan di samping menjalankan pemantauan yang lebih rapi untuk menjaga keselamatan kanak-kanak, warga emas dan OKU ini.

YB pernah melontarkan persoalan di sidang DUN mengenai isu berkaitan pengangkutan awam di Selangor. Apa pandangan YB mengenai isu itu ketika ini?

Bagi isu pengangkutan awam, pandangan saya adalah kita sentiasa mempunyai ruang untuk penambahbaikan. Konsep pengangkutan awam adalah untuk mengurangkan kadar kenderaan persendirian di atas jalan raya dan sekiranya kadar kenderaan persendirian sentiasa meningkat dan pengangkutan awam berada di kapasiti yang tinggi, kajian harus dijalankan sama ada penambahan bilangan kenderaan pengangkutan awam sedia ada, menambah baik *reliability* servis pengangkutan awam dan menambah baik *first-mile-last-mile* dari segi kelengkapan laluan pejalan kaki, basikal dan *e-mobility*.

Pada usia yang begitu muda, 34 tahun, apakah menjadi wakil rakyat itu suatu yang sia-sia? Atau ia memang menjadi minat yang cukup mendalam kepada YB?

Pada saya, peranan wakil rakyat tidak sia-sia. Sebagai anak muda, kita membawa idea dan pengalaman yang baru demi kebaikan rakyat. Sudah tentu saya tidak sangka pada 2018 bahawa saya akan diberikan amanah ini untuk menjadi seorang wakil rakyat, saya berterima kasih atas kepercayaan yang diberikan kepada saya oleh pengundi DUN Subang Jaya dan mengambil serius amanah yang diberikan.

Dua tahun sudah usia Kerajaan MADANI. Pada pendapat YB, mungkin ada yang perlu diperbaiki supaya kerajaan ini dapat terus berkhidmat dengan baik kepada rakyat?

Pandangan saya, kerajaan terdiri daripada manusia dan manusia sentiasa mempunyai ruang penambahbaikan. Kita perlu lebih mendengar dan lebih berkomunikasi untuk memastikan mesej yang tepat disampaikan. Kita perlu juga meneruskan usaha untuk turun padang menjaga kebajikan rakyat dan memastikan tiada sesiapa yang ketinggalan. 



ZALIIHA mendengar cadangan yang dikemukakan peniaga di Jalan Petaling.

Cat semula bangunan lama

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan melaksanakan Sesi Libat Urus (SLU) dengan pemilik bangunan lama sekitar ibu kota bagi melaksanakan usaha bersama pengindahan Kuala Lumpur sempena tahun Kepengerusian ASEAN 2025.

Bercakap kepada Wilayahku, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa** berkata, sesi tersebut perlu diadakan memandangkan kepentingan peranan mereka dalam menjayakan acara berprestij yang akan melonjakkan imej negara.

"Usaha untuk mengindahkan Kuala Lumpur ini tidak terletak di atas bahu DBKL dan kerajaan semata-mata, bahkan pemilik bangunan juga perlu terlibat bagi menyerahkan imej negara.

"Selain itu, kebanyakan bangunan baharu mempunyai lapisan *facade* yang dibuat daripada pelbagai bahan termasuk kaca, bata, batu, logam, kayu dan banyak lagi berbanding bangunan lama yang menggunakan dinding batu yang agak kusam.

"Oleh yang demikian, SLU ini membolehkan DBKL mencari kaedah dengan bekerjasama untuk mengecat semula bangunan lama sebagai persiapan Sidang Kemuncak ASEAN 2025," katanya ketika dihubungi selepas mengadakan tinjauan di sekitar ibu kota pada Rabu.

Menjelang lanjut, Zaliha berkata sesi tinjauan yang dilakukan bersama-sama pegawai kanan

DBKL untuk melihat lebih dekat tentang persiapan yang telah dilaksanakan oleh DBKL.

"Saya berpuas hati dengan usaha yang telah dilaksanakan oleh DBKL khususnya melibatkan jalan-jalan protokol, kawasan tarikan pelancong seperti di Pintasan Saloma, KLCC, Medan Pasar, Petaling Street dan Laluan Kasturi berhampiran Pasar Seni termasuk di kawasan *pocket park*.

"Di jalan protokol itu seperti pencahayaan, ada yang sudah dilaksanakan, logo-logo ASEAN pun sudah dinaikkan dari sudut kebersihan dan pengindahan serta kita turut lihat kawasan Jalan Petaling yang akan ditambah baik dan menyeragamkan gerai serta tambah baik *walk way* untuk keselesaan peniaga dan pelancong," katanya.

Menurut Zaliha, kerja-kerja yang melibatkan logistik seperti pencahayaan, pengindahan dan baik pulih serta selenggara jalan raya sudah bermula, namun masih ada ruang-ruang untuk penambahbaikan yang perlu dilaksanakan.

"Sudah ada keputusan kabinet untuk menambah pokok-pokok bunga yang merupakan lambang kepada Kepengerusian ASEAN termasuk bunga raya di *pocket park* dan landskap.

"Selain itu, aspek kebersihan juga agak memuaskan, namun kita tidak boleh ambil mudah lebih-lebih lagi di kawasan tumpuan pelancong," katanya. 

Ke arah melestarikan Kuala Lumpur

DBKL BAKAL GUNA BAHAN KAYU

AZLAN ZAMBRY

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bakal menggunakan bahan kayu sebagai usaha menjadikan Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar raya hijau dan lestari.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Maimunah Mohd Sharif** berkata bahan kayu boleh digunakan untuk menggantikan bahan tidak lestari seperti konkrit dalam projek-projek tertentu.

"Kayu yang diproses dengan teknik moden mampu memberikan jangka hayat yang lebih panjang dan menjadi pilihan yang praktikal untuk pembangunan yang mesra alam.

"DBKL juga dapat menunjukkan contoh terbaik kepada pemaju-pemaju dan pihak berkepentingan lain tentang pentingnya penggunaan bahan binaan yang bertanggungjawab atau dalam erti kata lain penggunaan bahan yang boleh diperbaharui, dikitar semula atau terurai secara semula jadi seperti kayu FSC (Forest Stewardship Council) atau komposit mesra alam.

"Usaha ini selaras dengan dasar pembangunan mampan global seperti Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs), katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap sempena Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di antara DBKL dengan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) di Menara DBKL pada Isnin.

Hadir sama Ketua Pengarah MTIB, Saiful Bahri Salleh dan pegawai kanan kedua-dua agensi.

Beliau berkata, pihaknya amat menghargai sokongan dan kepakaran MTIB dalam industri kayu tempatan dan kerjasama yang akan dirintis ini akan membuka peluang untuk memanfaatkan bahan kayu lestari, memperkukuh inovasi dalam seni bina landskap serta memastikan penggunaan sumber semula jadi yang lebih bertanggungjawab.

"Kerjasama strategik antara DBKL dengan MTIB ini juga akan membawa pelbagai manfaat, khususnya dalam mengukuhkan penggunaan bahan kayu secara mampan di ibu kota serta akan membuka peluang untuk memperluas penggunaan bahan kayu lestari dalam pelbagai projek pembangunan bandar, khususnya dalam seni bina landskap dan perabot bandar.

"Dengan menggunakan

kayu yang diperoleh secara bertanggungjawab, DBKL dapat menyokong amalan pengurusan hutan yang mampan, sekali gus mengurangkan kesan negatif terhadap alam sekitar," katanya.

Katanya, bahan kayu juga sering dikaitkan dengan nilai estetika semula jadi dan fleksibiliti dalam reka bentuk. Kepakaran MTIB dalam teknologi dan aplikasi kayu dapat membantu DBKL memperkenalkan inovasi baharu dalam seni bina landskap.

"Ini termasuk penggunaan kayu terawat untuk membina struktur landskap seperti gazebo, jambatan, bangku taman, laluan pejalan kaki dan elemen hiasan lain yang mesra alam serta tahan lasak," katanya.

Menurut Datuk Bandar, penggunaan kayu lestari bukan sahaja menyumbang kepada aspek estetika dan fungsional, tetapi juga kepada kesejahteraan penduduk bandar.

"Kajian menunjukkan bahawa bahan semula jadi seperti kayu boleh memberikan impak psikologi positif, termasuk mengurangkan tekanan dan meningkatkan keseimbangan emosi, khususnya di kawasan taman awam dan rekreasi," ujarnya. 



MAIMUNAH dan Saiful Bahri menunjukkan MoU yang ditandatangani bersama di antara DBKL dan MTIB pada Isnin.

Warga asing perlu bayar tambang bas RM1

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan mengenakan bayaran RM1 bagi warga asing yang menggunakan perkhidmatan bas GoKL di tiga laluan tambahan mulai 1 Jan 2025.

Laluan baharu itu termasuk Laluan 5 (Oren) dari Hab Titiwangsa ke Mindef, Laluan 6 (Pink) dari PPR Seri Pantai ke Stesen LRT Universiti

dan Laluan 8 (Maroon) dari Stesen LRT/MRT Kampung Batu ke Chow Kit.

Menurut catatan media sosial DBKL, warga asing mesti menggunakan kaedah pembayaran tanpa tunai seperti kad Touch 'n Go (TNG), kod QR, kad kredit atau debit untuk membayar tambang mereka. Penumpang tempatan mesti

mendaftarkan MyKad mereka dengan sistem TNG untuk menikmati tunggangan percuma.

Kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah boleh menggunakan perkhidmatan tersebut secara percuma.

Pada 1 Jan lalu, DBKL mula mengenakan bayaran kepada warga asing RM1 setiap perjalanan

di empat laluan GoKL: Laluan 1 (Hijau), Laluan 2 (Ungu), Laluan 3 (Merah) dan Laluan 4 (Biru).

Warga kota boleh mendaftar MyKad mereka untuk menaiki GoKL percuma di beberapa lokasi seperti Stesen Terminal Titiwangsa, Stesen LRT Universiti (Timur) dan Stesen One Maxim dari Isnin hingga Jumaat, 7 pagi hingga 12 tengah

hari dan 2 petang hingga 7 malam.

Selain itu, pendaftaran boleh dilakukan di Pejabat Jabatan Pengangkutan Bandar DBKL di Aras 8, Menara DBKL 2 dari Isnin hingga Jumaat, 9 pagi hingga 12 tengah hari dan 2 hingga 4 petang.

DBKL kini mengendalikan 15 laluan GoKL meliputi pelbagai bahagian bandar. 

Program Motivasi Siri 4 YWP

PLATFORM BINA JATI DIRI

DIANA AMIR

YAYASAN Wilayah Persekutuan (YWP) terus komited dalam melaksanakan pelbagai program kebajikan dan pendidikan untuk seluruh warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan yang memerlukan.

Menurut Timbalan Pengerusi Ahli Pemegang Amanah YWP, **Datuk Seri Mahadi Che Ngah**, pelbagai program pendidikan telah dilaksanakan dan antaranya adalah Kem Motivasi Siri 4 YWP bertempat di Dusun Akin Resort dan Nur Lembah Pangsun, Ulu Langat yang melibatkan pelajar sekolah rendah dan menengah terpilih di sekitar Kuala Lumpur.

"Kami percaya bahawa pendidikan sama ada secara formal atau tidak formal adalah salah satu teras utama dalam pembinaan sebuah masyarakat MADANI yang adil dan saksama.

"Maka, program seumpama ini dilaksanakan bagi membentuk generasi pelapis yang bijak, berdaya tahan serta mempunyai nilai-nilai kepimpinan, walaupun sejak dari kecil," katanya ketika berucap pada Majlis Penutup Program Motivasi Siri 4 YWP baru-baru ini.

Mahadi berkata kem motivasi ini juga adalah sebagai satu platform untuk membina jati diri dan nilai-

nilai kepemimpinan dalam kalangan anak-anak.

"Antara aktiviti yang diadakan seperti Ice Breaking, One Happy Family, Solo Drop, Asas Perkhemahan, Sembelihan, Survival Cooking, Campfire, Malam Kebudayaan, Tazkirah Ringkas dan Solat Berjemaah lima kali sehari.

"Melalui aktiviti ini juga para peserta dapat berkenalan dengan kawan-kawan baru, merapatkan hubungan dan semangat kerjasama dengan rakan-rakan sedia ada serta belajar perkara-perkara baru.

"Mereka juga dapat belajar cara menjadi anak yang soleh, taat kepada ibu bapa serta guru dan menjadi insan yang lebih baik untuk masyarakat. Juga, dapat solat lima waktu dengan kawan-kawan dan akhirnya membesar menjadi pemimpin negara pada satu hari nanti, insya-Allah," ujar beliau yang juga merupakan bekas Datuk Bandar Kuala Lumpur.

Dalam pada itu, beliau turut mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang sentiasa bersama pihak YWP dalam usaha membantu meningkatkan taraf hidup warga Kuala Lumpur.

"Kita harus terus dilihat menyokong usaha membangunkan



MAHADI bergambar kenangan bersama para peserta kem motivasi yang diadakan baru-baru ini.

anak-anak, pelajar secara dinamik dan progresif.

"Ia selaras dengan aspirasi negara untuk melahirkan insan yang bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik, tetapi juga berakhlak mulia dan mampu memberi sumbangan kepada masyarakat

walaupun bermula pada umur yang muda," katanya.

Terdahulu, Program Motivasi Siri 4 YWP telah diadakan selama tiga hari dua malam bertempat di Nur Lembah Pangsun Eco Resort, Hulu Langat.

Hadir sama Timbalan Pengarah Kanan Jabatan Pembangunan

Komuniti dan Kesejahteraan Bandar DBKL, Ahmad Ibnu Sina Termizi; Pengurus Kanan Jabatan Pembangunan Komuniti, Komunikasi Strategik & IT YWP, Datin Dr Ida Harlina Ikhwan Nasir dan Pengarah Urusan Syarikat Falcon Kingdom Academic, Mohd Hafiz Mohd Noor. 

Peserta harap dapat bantuan mesin jahit

PROGRAM jahitan selama lima hari anjuran Malaysian Indian Skills Initiative (MISI) berjaya mencapai sasaran apabila 25 pesertanya mendapat manfaat daripada kelas percuma dianjurkan.

Salah seorang peserta, Indra Rani Krishnan, 59, dari Batu Caves, Selangor berkata banyak manfaat diperolehi sepanjang kursus berkenaan. Selain belajar menjahit cadar, peserta turut diajar ilmu pemasaran secara atas talian dan suntingan video.

"Program seperti ini harus diteruskan lagi kerana memberi manfaat kepada wanita kaum India daripada golongan B40 meningkatkan kemahiran dalam bidang jahitan.

"Sepanjang lima hari, kami diajar menjahit cadar dan sarung bantal serta teknik pemasaran. Bagaimanapun kami dinasihatkan untuk menyertai kursus kemahiran yang lain bagi menambahkan lagi skil jahitan.

"Kursus ini menimbulkan keinginan saya untuk memulakan perniagaan jahitan, cuma saya berharap penganjur dapat membantu kami mendapatkan mesin jahit pada harga yang berpatutan," katanya.

Sementara itu, penganjur, **Anetha Vallaitham Pillai** berkata hasil daripada program itu, ramai



ANETHA (tengah) memerhatikan peserta termuda melakukan demonstrasi jahitan.

peserta menunjukkan minat untuk memulakan perkhidmatan menjahit dari rumah.

Tetapi mereka menghadapi kekangan kerana tidak memiliki modal untuk membeli mesin jahit yang menelan kos tinggi.

"Kekangan terbesar mereka adalah mesin jahit. Ramai menunjukkan minat untuk memulakan perniagaan dari rumah tetapi tidak memiliki modal untuk membeli mesin jahit.

"Saya akan lihat apa yang pihak kami boleh lakukan bagi membantu mereka mendapatkan mesin jahit. Tapi sepanjang lima hari kursus ini dianjurkan, mereka telah pun mendapat manfaat dari program yang ditawarkan.

"Ada yang sebelum ini tidak pandai menjahit tetapi sudah boleh menguasai asas jahitan hasil tunjuk ajar daripada tiga pengajar sepanjang program berlangsung," katanya. 

Solidariti isu kemanusiaan

SEBAGAI tanda solidariti kepada kanak-kanak yang kurang bernasib baik, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) telah mengadakan pementasan teater muzikal PERMATA Seni.

Menurut Ketua Pengarah JKKN, **Mohd Amran Mohd Haris**, tema yang diangkat bagi pementasan kali ini adalah Menyukuri Nikmat Kedamaian.

"Pementasan teater muzikal ini merupakan wadah terbaik untuk memanifestasikan ilmu dan kemahiran anak-anak PERMATA Seni dalam bidang koir, tari dan muzik.

"Pemilihan tema tersebut menterjemahkan solidariti anak-anak PERMATA Seni kepada pelbagai isu kemanusiaan sejagat yang menjejaskan kehidupan sosial, mental dan fizikal kanak-kanak di seluruh dunia," katanya.

Sementara itu, JKKN dalam kenyataannya berkata teater tersebut mengetengahkan konflik kehidupan kanak-kanak sejagat dengan pelbagai

isu sosial seperti peperangan, penderaan, kemiskinan, kebuluran dan penganiayaan yang menjejaskan kesejahteraan sosial, mental dan fizikal kanak-kanak.

"Pementasan tersebut menggabungkan seramai 168 peserta dari tiga komponen iaitu PERMATA Seni Koir (PSK), PERMATA Seni Tari (PST) dan PERMATA Seni Muzik (PSM) di mana ia adalah platform kepada peserta untuk memanifestasikan ilmu dan kemahiran mereka dalam bidang koir, tari dan muzik," ujarnya.

Mengulas lanjut, pihak JKKN berkata, PERMATA Seni merupakan program khas di bawah tadbir urus Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang dilaksanakan oleh JKKN dan Istana Budaya.

"Pewujudan Program PERMATA yang merangkumi tiga komponen itu bertujuan untuk melahirkan modal insan seni budaya yang akan menjadi pewaris kepada legasi seni negara," katanya. 



Bil 293 . 20-26 DISEMBER 2024

‘Asal • hujan je banjir’

►►10-11

FENOMENA ALAM, AKTIVITI MANUSIA TERKAIT BANJIR

AINI MAWAWI & DIANA AMIR

“ASAL hujan je, banjir,” itu antara rungutan yang sering kita dengari setiap kali hujan lebat menyimbah bumi. Mengikut tafsiran, banjir ialah keadaan air yang menenggelami sesuatu kawasan yang biasanya kering. Terdapat dua keadaan banjir yang biasa terjadi iaitu banjir monsun dan banjir kilat.

Banjir monsun merupakan situasi lazim yang berlaku saban tahun dalam tempoh spesifik iaitu ketika musim tengkujuh dari November hingga Mac yang biasanya melanda negeri Pantai Timur (Pahang, Terengganu, Kelantan) selain Sabah dan Sarawak.

Sementara banjir kilat, biasanya berlaku di bandar-bandar besar kerana pelbagai faktor antaranya perubahan iklim, kepesatan pembangunan, sistem perparitan yang lemah, penebangan serta pembalakan hutan dan masalah pembuangan sampah.

Agensi Pengurusan Bencana Kebangsaan (NADMA) mendefinisikan bencana sebagai suatu peristiwa yang mengakibatkan gangguan kepada aktiviti masyarakat dan negara. Malah, ia membawa kesan yang buruk merangkumi kerosakan harta benda, kerugian ekonomi, kerosakan alam sekitar serta paling menakutkan kehilangan nyawa.

Walaupun kedua-dua kategori banjir ini disebabkan oleh pelbagai punca namun impaknya tetap sama iaitu mendatangkan kerosakan harta benda serta berpotensi menyebabkan kemudaratan jangka masa panjang.

Namun pernahkah sebagai

penghuni alam, kita renungi dan ambil iktibar untuk menjaga alam sekitar dan mensyukuri ia sebaik-baiknya? Mengikut kajian, faktor yang menyumbang kepada banjir adalah disebabkan angkara manusia.

Beberapa tahun lalu, jika ditanya kepada rakyat Malaysia tentang perubahan iklim, ramai yang mungkin akan sukar menjelaskan maksudnya.

Ini kerana bagi kebanyakan orang, ia adalah satu konsep yang terhad kepada buku teks sekolah, diajar secara teknikal dan agak jauh daripada kehidupan seharian, seolah-olah ia adalah satu masalah masa depan yang jauh, sesuatu yang mungkin berlaku di tempat lain, tetapi bukan di Malaysia.

Menurut Ahli Panel Konsultasi Perubahan Iklim, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), **Mogesh Sababathy**, frasa perubahan iklim kini lebih relevan dan bermakna berikutan peristiwa

cuaca ekstrem yang semakin kerap melanda Malaysia.

“Rakyat Malaysia kini merasai sendiri apa sebenarnya yang dimaksudkan dengan perubahan iklim. Sebelum ini, banjir monsun adalah fenomena tahunan, tetapi kini intensiti dan frekuensinya semakin meningkat dan berkait rapat dengan aktiviti manusia. Banjir bukanlah perkara baharu, namun akibat perubahan iklim, impaknya semakin teruk,” katanya.

Mogesh menjelaskan bahawa banjir adalah hasil daripada gabungan pelbagai faktor, termasuk faktor semula jadi dan aktiviti manusia. Kenaikan suhu global, yang tercatat dalam data suhu purata dunia sejak beberapa dekad lalu, memberi kesan langsung terhadap sistem cuaca.

“Apabila suhu meningkat, lebih banyak air menguap daripada permukaan lautan dan daratan. Penyejatan ini menyebabkan perubahan dalam pola hujan, dengan awan yang terbentuk menjadi lebih besar dan membawa hujan dalam jumlah yang lebih banyak. Pemanasan global tidak hanya meningkatkan suhu, tetapi turut meningkatkan penyejatan air, yang akhirnya mengubah corak taburan hujan,” ujarnya.

Tambah Mogesh, perubahan iklim mengganggu kestabilan kitaran semula jadi bumi. Menurut laporan Intergovernmental Panel On Climate Change (IPCC), suhu global telah meningkat sekitar 1.1 darjah selsius sejak zaman pra-industri yang mengakibatkan perubahan besar dalam corak cuaca dan peningkatan peristiwa cuaca ekstrem.

“Kenaikan suhu ini meningkatkan penyejatan air, yang mengubah ketebalan dan saiz awan serta menyebabkan lebih banyak hujan turun dalam jangka masa yang singkat, memicu banjir yang lebih teruk.

PEMANASAN GLOBAL

BANJIR monsun tetap berlaku setiap tahun, peningkatan frekuensinya disebabkan

oleh pengaruh manusia tidak boleh dinafikan. Aktiviti seperti pembakaran bahan api fosil dan penebangan hutan telah mempercepatkan pemanasan global, yang memperburuk impak perubahan iklim ini.

“Untuk mengatasi isu ini, kita perlu mengambil tindakan pencegahan yang lebih berkesan dan melaksanakan strategi adaptasi yang holistik, untuk melindungi ekosistem dan kesejahteraan manusia,” kata beliau.

Untuk mengurangkan kesan perubahan iklim, Mogesh mencadangkan pendekatan pendidikan dan kesedaran yang berterusan, melibatkan semua lapisan masyarakat.

“Kita perlu mendidik masyarakat secara holistik, bermula dengan perkara mudah seperti mengurangkan penggunaan plastik, menanam pokok dan memilih pengangkutan awam. Kesedaran ini harus menjadi amalan harian, bukan sekadar bermusim,” jelas Mogesh.

Beliau turut menekankan pentingnya inisiatif berasaskan komuniti.

“Bayangkan jika setiap kumpulan masyarakat, sama ada di bandar atau desa, menganjurkan aktiviti seperti gotong-royong hijau, program penanaman pokok atau bengkel tentang pengurangan jejak karbon. Kesedaran kolektif seperti ini dapat memberikan impak besar pada masa depan,” ujarnya.

Mogesh percaya usaha ini harus disokong oleh akses kepada maklumat yang relevan dan insentif bagi menggalakkan tindakan positif, seperti menyediakan subsidi untuk barangan mesra alam atau memudahkan akses kepada teknologi hijau.

“Keputusan kecil, bila digabungkan secara kolektif, mampu mencipta perubahan besar,” katanya lagi.

Berkongsi lanjut tugas sebagai Aktivis Belia Alam Sekitar, beliau berkata, ketika berlakunya banjir, pendekatan serta-merta

yang digunakannya bersama kumpulan adalah membantu mangsa dari segi kebajikan seperti makanan, kesihatan dan juga kebersihan di pusat penempatan sementara (PPS).

“Ketika banjir besar 2021, kami masuk ke kawasan pedalaman Pahang, termasuk perkampungan orang

asli, untuk memastikan setiap individu mendapat bantuan. Kami tak hanya mengagihkan makanan dan barangan asas, tapi kami juga turut terlibat dalam membersihkan rumah-rumah mangsa, meskipun kami tahu gelombang banjir seterusnya mungkin datang,” ujarnya penuh rasa empati.

Beliau menceritakan bagaimana masyarakat di situ berasa risau dan teragak-agak untuk membenarkan rumah mereka dibersihkan.

“Mereka bimbang kalau kami bersihkan sekarang, banjir akan datang lagi dan membuatkan semuanya sia-sia. Rasa takut itu nyata, mereka takut apa yang kami lakukan hanya sementara, dan mereka perlu bersiap sedia untuk gelombang seterusnya,” katanya sambil menambah betapa pentingnya menyediakan bantuan yang tepat pada waktunya.

Mogesh menegaskan bahawa pengalaman ini menyedarkan beliau betapa perlunya pendekatan yang lebih menyeluruh dalam menghadapi bencana alam.

“Masyarakat bukan sahaja memerlukan bantuan segera, tetapi juga pemahaman tentang pencegahan dan persediaan. Pendidikan tentang cara untuk bertindak sebelum, semasa, dan selepas bencana adalah penting,” kata Mogesh merujuk kepada statistik peningkatan dalam kekerapan banjir besar di Malaysia sejak 1990-an akibat perubahan iklim.



MOGESH



APM Putrajaya sedia hadapi gelombang kedua

ANGKATAN
Pertahanan Awam (APM) daerah Putrajaya bersiap siaga bagi menghadapi banjir gelombang kedua.

Menurut Pegawai Bencana dan Operasi Wilayah Persekutuan, **Lt (PA) Zulkefli Mohd Sopian**, pihaknya sudah mempunyai



ZULKEFLI

aturan jadual, anggota daerah mana yang perlu bersedia mengikut minggu ditetapkan.

“Kami akan bergerak mengikut jadual dan juga berdasarkan arahan semasa dari ibu pejabat.

“Kebiasaannya kami bergerak dalam pasukan yang akan diketuai oleh dua pegawai tetap dan pegawai bersekutu dengan kekuatan anggota seramai 15 orang beserta aset darat dan air seperti sebuah lori, sebuah bot, sebuah kenderaan pacuan empat roda (4x4) dan lain-lain peralatan menyelamatkan untuk digunakan ketika operasi.

“Ketika gelombang pertama sebelum ini kami telah menghantar lima pasukan ke Kelantan yang terdiri daripada pasukan penyelamat, perubatan dan bantuan,” ujarnya ketika ditemui Wilayahku pada Isnin.

Zulkefli berkata, untuk menghadapi musim banjir, APM akan membuat persiapan awal di tiga peringkat iaitu sebelum, semasa dan selepas.

“Sebelum banjir, kebiasaannya kami membuat persediaan dalam kalangan masyarakat iaitu latihan bersama orang awam akan diadakan bagi menerangkan mengenai tindakan yang perlu dilakukan ketika berlaku bencana, ke mana mereka perlu pergi dan di mana Pusat Pemindahan Sementara (PPS) yang paling

hampir. Untuk situasi lain, jika rumah mereka tidak terjejas tetapi laluan keluar masuk terputus hubungan, kami ajar mereka untuk sediakan beg ‘ready to go’ yang mempunyai semua keperluan.

“Dalam keadaan semasa pula, kami akan melakukan misi menyelamatkan bersama agensi lain yang terlibat. Sebelum turun ke lapangan juga kami akan mengadakan latihan kerjasama bersama agensi untuk mengetahui prosedur operasi standard (SOP). Kebiasaannya ia dilakukan beberapa bulan sebelum musim tengkujuh.

“Manakala untuk selepas atau pasca banjir, APM akan membantu koordinasi bantuan semasa yang diperlukan bersama pihak individu, syarikat atau badan bukan kerajaan (NGO) yang menyampaikan sumbangan. Kami akan selaraskan bentuk bantuan yang diperlukan oleh semua mangsa terlibat,” ujarnya yang sudah berkhidmat selama 18 tahun.

Berkongsi lanjut, Zulkefli berkata antara cabaran yang dihadapi APM merangkumi pelbagai aspek dari segi aset mahupun orang awam ketika misi menyelamatkan.

“Kami dari Wilayah Persekutuan, apabila digerakkan ke kawasan banjir seperti di Kelantan atau Terengganu, ada beberapa tempat yang kita tak biasa dan tak tahu risikonya membuatkan kita perlu bekerjasama dengan orang tempatan ketika misi menyelamatkan.

“Antara cabaran lain adalah daripada penduduk di kawasan pedalaman yang tidak mendapat info semasa membuatkan mereka tertinggal dan lambat untuk keluar menyelamatkan diri. Pengalaman

saya sendiri, seorang mangsa lambat bertindak membuatkan kami perlu respon mangsa pada ketika air di tahap maksimum namun Alhamdulillah semuanya berjalan dengan baik cuma risiko agak tinggi,” ujarnya.

Zulkefli turut menasihatkan orang ramai untuk sentiasa peka dengan arahan semasa dan cakna dengan perkara yang perlu dilakukan ketika berlakunya bencana.

“Banjir ini boleh dikategorikan sebagai bencana berjadual kerana umum mengetahui setiap hujung tahun berlakunya Monsun Timur

Laut (MTL) yang mengakibatkan banjir di beberapa kawasan, jadi buat penduduk yang tinggal di kawasan rendah dan berisiko perlu lebih peka dengan pengumuman daripada pihak berwajib dari semasa ke semasa.

“Bagi penduduk di Lembah Klang pula, meskipun tidak berhadapan dengan masalah banjir yang teruk namun saya nasihatkan untuk terus berhati-hati dan elakkan untuk meletakkan kenderaan di bawah pokok besar kerana selain banjir, kita juga berhadapan dengan risiko kejadian pokok tumbang. Ambil tahu juga

mengenai kawasan *hot spot* banjir,” tegasnya.

Tambahnya bagi individu, syarikat atau NGO yang ingin menyalurkan sumbangan boleh berbuat demikian di pejabat APM berhampiran.

“Warga Putrajaya boleh hadir ke pejabat APM di Jalan Diplomatik, Presint 15 untuk menyerahkan sumbangan dan kami akan bantu selaraskan bantuan yang diperlukan sebelum menghantarnya ke negeri-negeri terlibat. Orang ramai juga boleh berhubung dengan Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) daerah yang terjejas,” katanya. 



PANDUAN PENJAGAAN DIRI KETIKA MUSIM BANJIR

AWAS, BANJIR BOLEH MENDATANGKAN BAHAYA SEPERTI:

- Lemas.
- Kecederaan seperti terpijak objek tajam / terjatuh ke dalam longkang.
- Terkena renjatan elektrik.
- Penyakit berjangkit seperti taun, cirit-birit dan demam kepialu.

PASTIKAN ANDA:

- ⚠ Jauhi tempat dilanda banjir.
- ⚠ Pindah segera ke pusat pemindahan apabila diarah pihak berkuasa.
- ⚠ Matikan semua punca bekalan elektrik.
- ⚠ Tidak menyentuh dawai elektrik.



KEBUN KOMUNITI KAMPUNG KILAN SUBUR MENGHADIRKAN

AM HALIM

KAWASAN Rukun Tetangga (KRT) Kampung Kilan, Labuan menyahut seruan kerajaan untuk mengurangkan kebergantungan bekalan makanan daripada luar menerusi Program KRT Progresif.

Program Kebun Komuniti di bawah kelolaan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) itu menyaksikan komuniti kampung tersebut mengusahakan sebidang tanah berkeluasan tiga ekar milik Perbadanan Labuan bermula tahun 2016 dengan penanaman limau kasturi dan cendawan.

Menurut Pengerusi KRT Kampung Kilan, Anjam Ucho, kebun komuniti tersebut menjadi contoh terbaik kepada komuniti setempat yang lain agar dapat memanfaatkan hobi berkebun

bagi menghasilkan kehidupan yang lebih sihat di samping mengekalkan kelestarian alam sekitar.

Terdahulu, hasil daripada usaha keras komuniti tersebut berjaya membuahkan kejayaan menerusi pelbagai anugerah antaranya Johan Anugerah Aspirasi Desa Madani kategori Kampung Tradisional 2024, Pemenang tempat kelima bagi Projek Ekonomi Rukun Tetangga Terbaik 2023 peringkat kebangsaan dan bakal mewakili Wilayah Persekutuan ke peringkat kebangsaan tahun hadapan. 



PUNG TUAU



CTSam masak kuah kacang selama 4 jam

ROJAK MI JADI BUAH MULUT

KHAIRUL IDIN

JIKA disebut rojak mi pasti semua orang tanpa mengira umur, bangsa dan agama mengenali hidangan makanan yang sering dijadikan sebagai menu sarapan pagi dan petang.

Jika anda berada di Labuan, tidak lengkap rasanya jika tak mengambil peluang untuk singgah ke Kastam Cafe CTSam yang diusahakan oleh sepasang suami isteri iaitu **Samari Said** dan Siti Mohd Yunos yang terletak bersebelahan Bangunan Kastam Labuan.

Menariknya rojak mi yang dihasilkan oleh sepasang suami isteri itu sememangnya menjadi buah mulut rata-rata masyarakat di pulau ini mengenai keunikannya selain memiliki keunikan tersendiri yang pasti anda tak boleh nafikan.

Samari yang lebih mesra dengan panggilan Pak Sam berkata, perniagaan rojak mi mula dibuka sejak tahun 2006 dan membuka kiosk kecil di sebuah restoran Seri Malindo yang mana ketika itu dijalankan oleh isterinya.

"Mulanya isteri saya bekerja di restoran itu yang dimiliki oleh saudaranya namun tidak lama kemudian isteri diberi peluang membuka kiosk untuk berniaga secara persendirian.

"Waktu itu, bermulalah perniagaan rojak mi kami yang kebetulan isteri saya sangat berminat dalam bidang masakan dan kami membuat keputusan untuk berniaga

rojak mi dan soto kerana ia makanan ringkas dan tidak memerlukan peralatan serta bahan masakan yang banyak," ujarnya ketika ditemui Wilayahku, baru-baru ini.

Beliau berkata, selepas sahaja isterinya mula berniaga, dia mengambil keputusan berhenti kerja dalam sektor minyak dan gas atas niat ingin membantu isteri.

"Alhamdulillah sejak mula kami beroperasi hasil jualan rojak mi kami begitu laris dan

ketika itu saya melihat isteri saya tak menang tangan, maka dengan itu saya mengambil keputusan untuk berhenti kerja bagi membantunya.

"Kami tidak menyangka rojak mi ini mendapat permintaan begitu tinggi. Kami amat terharu dengan sokongan para pelanggan yang rata-ratanya penduduk setempat," ujar bapa kepada dua cahaya mata itu.

Samari berkata sejak dahulu, terdapat dua jenis makanan yang dihasilkan iaitu rojak mi dan soto.

"Untuk rojak mi, kami buat sendiri kuah kacang tersebut. Jika ada pelanggan mahu kuah pedas, mereka boleh menambah cili mengikut keinginan mereka.

"Dari segi penyediaan kuah kacang, kami amat menitikberatkan ketepatan dan keaslian bahan-bahan yang

digunakan dan tidak menggunakan sebarang bahan yang tersedia (pes) untuk menjaga mutu kuah kacang itu.

"Kami hanya menggunakan kacang berkualiti agar dapat menghasilkan kuah yang berlemak dan setiap bahan yang digunakan kami akan timbang mengikut sukatan yang betul agar rasa kuah kacang itu kekal.

"Kami juga pastikan kacang dikisar halus dan tempoh memasaknya mengambil masa lebih kurang selama empat jam dan kuah itu mesti dikacau selama ia dimasak agar kacang itu tidak hangus.

"Untuk kuah rojak pula, kami lebih memilih untuk membuatnya sendiri dan kerana itu, ia tidak terdapat di mana-mana kedai. Tujuan kami hanya satu iaitu mahu memastikan makanan yang kami hasilkan adalah yang terbaik untuk pelanggan kami," ujarnya sambil memberitahu setiap hidangan rojak mi hanya berharga RM8 sahaja.

Samari menjelaskan pembuatan rojak mi bukan satu hidangan yang mudah dihasilkan seperti mana ia dilihat oleh mata kasar.

Ujarnya, dalam menghasilkan rojak mi yang sedap hanyalah dengan mengekalkan keaslian bahan-bahan dan cara masakan yang diamalkan oleh orang-orang terdahulu.

"Bagi saya, apa yang memberikan keenakan sesuatu makanan itu adalah mengekalkan keasliannya. Dalam masa yang sama,



dalam berniaga makanan ini kita harus sentiasa berlapang dada dan sentiasa memasang niat yang ikhlas agar pelanggan berpuas hati menikmati makanan yang kita hasilkan," katanya yang turut menghasilkan menu makanan lain seperti soto Makassar ayam dan daging, soto bakso, laksa Sarawak, nasi lemak dan beberapa menu makanan berlauk.

Mengulas lanjut mengenai perancangannya, beliau dan isterinya berhasrat untuk membuka premis perniagaan sendiri kerana ketika ini perniagaan mereka menghadapi beberapa halangan yang menjejaskan sedikit pendapat.

"Rancangan untuk membuka restoran sendiri itu sememangnya satu impian sesiapa sahaja yang

bergelar peniaga. Insya-Allah jika diberikan rezeki kami akan membuka restoran sendiri.

"Dahulu kami berniaga dan menyewa kiosk di Restoran Sri Malindo namun sejak tahun lalu, restoran itu ditutup dan kami terpaksa berpindah ke tempat sekarang yang kekurangan kawasan parkir," ujarnya.



SAMARI



PEMUPUKAN KERJA MADANI

PROFESOR DR HANUDIN AMIN

KONSEP MADANI berakar umbi pada nilai-nilai masyarakat yang bermoral dan beradab. Madani merujuk kepada sifat-sifat masyarakat yang menegakkan nilai-nilai etika dan peradaban, dengan tujuan meningkatkan kehidupan masyarakat melalui keadilan, kesaksamaan dan rasa hormat. Justeru itu, artikel ini mengupas konsep Amalan Bekerja Secara MADANI (ABM).

Berdasarkan ajaran Islam, konsep ini menggalakkan pekerja untuk bersikap teliti, empati dan bersungguh-sungguh terhadap kecemerlangan, sambil mengekalkan keseimbangan dan keadilan dalam berinteraksi.



FAKULTI KEWANGAN
ANTARABANGSA
LABUAN
UNIVERSITI MALAYSIA
SABAH

Tiga isu utama ditelaah - pertama, mengapakah ABM penting? Kedua, apakah lima prinsip teras yang menyulami ABM? Akhir sekali, apakah protokol ABM yang

memiliki kepentingan dewasa ini?

Bagi persoalan pertama, alam pekerjaan pada ketika ini menghadapi peningkatan kerumitan disebabkan oleh globalisasi, kemajuan teknologi dan perubahan norma masyarakat. Cabaran-cabaran ini sering membawa kepada amalan tidak berakhlak, kelelahan bekerja dan kehilangan motivasi dalam kalangan pekerja. Sebagai contoh, keutamaan keuntungan berbanding kesejahteraan pekerja telah menyebabkan tekanan yang tinggi, moral yang terluca dan kekurangan kepercayaan antara majikan dan pekerja.

Oleh sebab itu, penerapan ABM boleh menangani isu-isu ini dengan menekankan pembuatan keputusan secara etika dan mewujudkan persekitaran kondusif yakni pekerja berasa dihargai dan dihormati. Prinsip-prinsip ABM menggalakkan kerjasama, belas kasihan dan akauntabiliti, mengurangkan konflik dan mewujudkan budaya kepercayaan dalam konteks kesederhanaan (wasatiyyah). Selain itu, ia seiring dengan matlamat pembangunan mampan, kerana ia berjerih payah untuk mengimbangkan pertumbuhan ekonomi dengan keadilan sosial dan penjagaan alam sekitar.

ABM dipimpin oleh lima prinsip asas teras iaitu akauntabiliti (Mas'uliyah), keadilan (Adl), belas kasihan (Rahmah), kecemerlangan (Ihsan) dan keseimbangan (Tawazun). Perincian berikut diringkaskan:

■ **AKAUNTABILITI** ialah asas utama ABM. Pekerja digalakkan untuk bertanggungjawab atas tindakan dan keputusan mereka, dengan kesedaran bahawa mereka bertanggungjawab bukan sahaja kepada majikan dan rakan sekerja, tetapi juga kepada autoriti etika yang lebih tinggi. Prinsip ini menanamkan rasa bertanggungjawab dan memastikan individu bertindak dengan integriti walaupun dihadang fenomena yang meruncing.

■ **KEADILAN** di tempat kerja melibatkan kesaksamaan dalam pengagihan sumber, peluang dan layanan terhadap pekerja. Persekitaran kerja MADANI menyemai pembungkusan diskriminasi, pemangkasan pilih kasih dan penebasan eksploitasi dalam mewujudkan padang permainan yang sama rata untuk semua insan. Pendekatan ini membina kepercayaan dan kesetiaan dalam



KEUTAMAAN keuntungan berbanding kesejahteraan pekerja telah menyebabkan kekurangan kepercayaan antara majikan dan pekerja.

kalangan pekerja, meningkatkan kejutuan dan produktiviti organisasi.

■ **BELAS KASIHAN** mencerminkan empati dan cakna terhadap insan lain, terutamanya semasa cabaran mendatang. Dalam kerangka MADANI, pemimpin dan pekerja digalakkan untuk saling menyokong, mengangkat manusiawi di sebalik peranan profesional yang bersifat berulang dan meneken. Prinsip ini membantu membina hubungan interpersonal yang ampuh dan menyurutkan tekanan dan pengasingan di tempat kerja.

■ **KECERMELANGAN** melibatkan usaha untuk mencapai piawai tertinggi dalam pekerjaan, bukan sekadar memenuhi jangkaan tetapi juga melangkaunya sebagai satu bentuk ibadah. Ia selaras dengan idea bahawa kerja adalah sebahagian daripada ibadah, yang menginspirasi pekerja untuk memberikan usaha teguh terbaik dalam mengemudi tugas-tugas hakiki mereka.

■ **KESEIMBANGAN** antara kerja dan kehidupan peribadi adalah penting dalam ABM. Pekerja diseru untuk mengelakkan sifat-sifat melampau (contoh: pesimisme dan liberalisme yang berlebihan), memastikan bahawa tanggungjawab profesional mereka tidak mendahului kesejahteraan peribadi tetapi mengangkat keharmonian sosial dalam merapatkan jurang antara organisasi dan masyarakat.

ABM boleh dilaksanakan di semua organisasi termasuk universiti awam untuk membudayakan kecemerlangan bukan sahaja dalam intelektualiti tetapi juga dalam adab demi keberkatan dan kerukunan insan.

Dalam artikel ini, lima protokol diutarakan dalam melaksanakan ABM di tempat kerja dengan berkesan. Ini termasuk kepimpinan beretika, latihan dan pembangunan, dasar keadilan, dasar keseimbangan kerja-kehidupan dan budaya rasa kepunyaan.

Perincian-perincian berikut diberikan:

■ **Kepimpinan** memainkan peranan penting dalam memodelkan ABM. Dengan menghayati sifat-sifat seperti rendah hati, adil dan bertanggungjawab, pemimpin

menetapkan nada untuk budaya organisasi yang berlandaskan nilai-nilai etika. Pemimpin juga boleh melaksanakan dasar yang memberi ganjaran kepada integriti dan menghalang amalan tidak beretika.

■ **Dari segi latihan dan pembangunan**, organisasi harus melabur dalam program latihan yang mendidik pekerja mengenai prinsip-prinsip ABM. Bengkel tentang etika, kecerdasan emosi dan komunikasi interpersonal boleh mengoptimumkan peranan pekerja untuk menyelaraskan tindakan mereka dengan nilai-nilai ini:

■ **Mewujudkan dasar yang menggalakkan** keterangkuman dan keadilan adalah penting untuk memupuk persekitaran kerja MADANI. Ini termasuk amalan pengambilan pekerja yang adil, gaji yang setimpal dan mekanisme untuk menangani aduan secara berkesan.

■ **Pengaturan kerja yang fleksibel** dan program kesejahteraan boleh membantu pekerja mencapai titik keseimbangan kerja-kehidupan yang lebih sihat. Mengangkat kepentingan berkeluarga dan berk komuniti dalam kehidupan individu selaras dengan prinsip MADANI tentang keseimbangan dan keharmonian.

■ **Pekerja yang menghayati dan mencintai** pekerjaan mereka lebih peka untuk menghayati nilai-nilai MADANI (contoh: belas kasihan, adil, kejujuran, toleransi dan sebagainya). Oleh sebab itu, organisasi boleh mencipta peluang untuk pekerja ini melalui sistem insentif yang adil yang bertunjangkan kepada merit tanpa apa-apa penciptaan nilai picisan dan politikus.

Penerapan ABM dapat membawa pelbagai manfaat kepada organisasi dan individu. Sebagai contoh, pekerja yang berasa dihormati dan dihargai melalui ABM akan lebih bermotivasi dan terlibat, menghasilkan tahap produktiviti dan prestasi yang lebih tinggi. Satu lagi contoh ialah melalui ABM, seseorang boleh mengamalkan belas kasihan dan inisiatif keseimbangan kerja-kehidupan untuk kesihatan mental dan fizikal yang lebih baik.

Walaupun manfaat ABM adalah jelas, pelaksanaannya mungkin memerlukan TIME (Time-Intellect-Money-Energy) dalam usaha mengatasi cabaran-cabaran yang timbul ekoran pelaksanaannya.

Rintangan terhadap perubahan, terutamanya dalam persekitaran yang berorientasikan keuntungan, boleh menghalang penerimaannya. Selain itu, perbezaan budaya dan pelbagai tafsiran tentang prinsip etika boleh menimbulkan kesukaran. Sebagai tindak balas kepada cabaran ini, organisasi harus mengambil pendekatan berfasa, bermula dengan inisiatif kecil dan berkembang secara beransur-ansur.

Melibatkan pekerja dalam proses ini dan mendapatkan maklum balas mereka juga boleh membantu menyesuaikan kerangka kerja ini untuk memenuhi keperluan pelbagai pihak. Komunikasi yang jelas tentang manfaat ABM adalah penting untuk mendapatkan sokongan golongan pelaksana dan seterusnya meningkatkan impak yang boleh direncanakan daripada ABM.

Tuntasnya, ABM berfungsi sebagai mercu harapan baharu untuk kita ketengahkan dalam memperkasa objektif keuntungan dan sosial sesebuah organisasi. Ia memberi ingatan kepada kita bahawa bekerja bukan hanya berlandaskan kepada motif menggapai kelestarian ekonomi akan tetapi untuk mengetengahkan kepentingan moral dan spiritual acap kali memperoleh setiap keuntungan yang dominan.

Justeru itu, marilah kita bersama-sama berpegang tangan dalam memanfaatkan peluang ini untuk mentransformasikan budaya di tempat kerja dan membina jalan menuju masa depan yang lebih cerah dan inklusif untuk Malaysia dengan mengangkat ABM seiring dengan objektif keuntungan dan sosial organisasi. Natijahnya, kepelbagaian korupsi akan menjadi sifar suatu hari kelak.

SETIAP artikel penulis adalah pendapat peribadi, bukan pendirian Wilayahku.



PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mempengerusikan Mesyuarat Majlis SDG Negara Tahun 2024 pada Rabu.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa mewakili Kerajaan Malaysia ke Majlis Resepsi Sambutan Hari Kebangsaan Romania anjuran Kedutaan Besar Romania di Malaysia dan dihoskan oleh Duta Besar Romania ke Malaysia, Puan Yang Terutama Nineta Bărbulescu baru-baru ini.



MENTERI Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu melawat Kompleks Sawit Kinabalu Livestock Integrated Center (SKLIC) di Balung, Tawau bagi meninjau aktiviti dan kemajuan sektor penternakan lembu di negeri Sabah.

SEMINGGU



MENTERI Perlindungan dan Komoditi, Datuk Seri Johari Abdul Ghani mengadakan perjumpaan bersama masyarakat di Pejabat Ahli Parlimen Titiwangsa yang memerlukan perhatian.



MENTERI Belia dan Sukan, Hannah Yeoh menghadiri Konvensyen Kebangsaan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) Belia Malaysia 2024.



MENTERI Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming melancarkan Skuad Ihsan Madani KPKT untuk misi bantuan pasca banjir.

AI DAN ETIKA WARTAWAN

KU SEMAN KU HUSSAIN

BARU-BARU ini ketika diwawancara secara langsung menerusi telefon di Radio KL FM, saya ditanya mengenai topik berkisar kemungkinan teknologi kecerdasan buatan (AI) mengambil alih tugas wartawan. Tanpa mengambil masa lama saya mengatakan tidak.

Kemudian ditanya lagi, adakah AI boleh menulis berita dan rencana, saya mengatakan itu memang benar. AI boleh menulis mengikut arahan yang diberikan dengan kepantasan yang tidak tertanding oleh manusia. Sekalipun begitu AI berdepan keterbatasan tersendiri sebagai satu teknologi.

Tahap kecerdasan AI tidak diragui, akan tetapi AI tidak ada rasa, emosi atau empati. AI juga tidak berfikir sedangkan itulah yang menjadi ciri paling utama untuk menjadi wartawan yang


sentiasa berdepan dengan isu-isu yang melibatkan manusia.

Wartawan mesti sentiasa berfikir kerana mereka perlu membuat keputusan yang mengambil kira hal-hal yang tidak ada dalam data raya (*big data*) yang menjadi rujukan AI. Seperkara lagi yang banyak orang kurang sedar bahawa tidak semua maklumat dalam data raya boleh digunakan tanpa periksa.

Dalam amalan kewartawanan, tidak semua maklumat yang dikatakan benar boleh dilaporkan tanpa dianalisis. Begitu juga yang dikatakan palsu tidak boleh diabaikan begitu sahaja. Dalam dunia nyata di luar AI, benar dan tidak benar itu sentiasa berubah-ubah maknanya mengikut keadaan, tafsiran dan kepentingan tertentu.

Secara mudahnya AI memahami fakta dalam data raya secara tersurat, sedangkan realiti hidup wartawan memerlukan keupayaan memahami yang tersurat dan tersirat. Daripada keupayaan itulah lahirnya laporan yang tepat.

Cakna teknologi adalah sikap yang baik. Tetapi adalah lebih baik lagi kalau memahami dan mendapatkan gambaran jelas tentang sesuatu teknologi itu. Hal yang demikian boleh melonjakkan tingkat kefahaman masyarakat



PERUBAHAN teknologi yang berlaku dalam industri media ketika ini hanya membantu, sama sekali tidak mengambil alih kerja wartawan.

terhadap sesuatu teknologi, khususnya yang baharu.

Dalam semua keadaan wartawan amat diperlukan sebagai pendukung demokrasi. Daripada wartawan (tentunya yang beretika) masyarakat mendapat gambaran dan kupasan yang membentuk pola fikir mereka. Malah mendapat maklumat yang tidak tercemar oleh kepentingan tertentu.

Perkara pertama yang mesti difahami daripada keberadaan wartawan bukan sahaja maklumat. Berlambak-lambak maklumat sampai kepada masyarakat yang tidak melalui wartawan. Peranan wartawan mencakupi seluruh hal-hal berkaitan kehidupan dan tataetika kemanusiaan yang sejagat.

Memang terdapat beberapa bidang kerjaya yang terjejas dengan kewujudan AI. Bagaimanapun itu tidak terangkum pada bidang yang memerlukan kearifan membuat sesuatu keputusan. Malah keputusan itu pula yang berkait rapat dengan hal-hal yang menuntut keterlibatan fikiran dan nilai-nilai

manusianya.

Pandangan Profesor Erik Brynjolfsson mengenai konflik AI yang dikatakan berkecenderungan mengambil tugas manusia dilihat suatu yang bukan sahaja menarik tetapi menjawab banyak persoalan yang kabur.

Beliau tegas mengatakan bahawa AI hanya mengambil alih sesetengah tugas yang sebelumnya dilakukan oleh manusia. Bagaimanapun sama sekali tidak menggantikan manusia dalam bidang pekerjaan seperti yang dibimbangkan oleh banyak pihak.

Pengarah Makmal Ekonomi Digital di Universiti Stanford itu menekankan bahawa AI seharusnya dipandang sebagai alat yang mampu mengambil alih tugas-tugas tertentu. Tetapi bukan menjadi saingan kepada manusia dalam sektor pekerjaan.

Katanya lagi, teknologi AI itu sebenarnya untuk membebaskan manusia daripada tugas-tugas yang rutin dan bercorak mekanikal. Tugas berkenaan boleh dilakukan oleh AI tanpa memerlukan pertimbangan tertentu.

Masa yang sama manusia pula boleh terus memberikan tumpuan pada bidang tugas yang memerlukan kreativiti, kearifan membuat keputusan dan empati – salah satunya kewartawanan.

Dengan memahami bahawa AI digunakan untuk memperkukuhkan kemampuan dan potensi manusia, kita dapat merangkul transformasi teknologi dengan lebih positif dan berkesan. Malah wujud keseimbangan antara AI dengan manusia yang mempunyai jiwa dan pemikiran.

Dalam konteks kewartawanan, saya selalu melihat teknologi tidak lebih sebagai alat bantu yang barangkali memudahkan wartawan mendapatkan sesuatu data atau analisis. Itu tentunya lebih baik berbanding suatu waktu dulu di mana wartawan terpaksa bertungkus-lumus membaca keratan surat untuk mendapatkan fakta.

Tetapi dengan adanya AI, semua data berada di hujung jari. Tidak perlu lagi bergelung dengan habuk dan debu meneliti sehelai demi sehelai keratan akhbar. Tugas AI hanya menyediakan rujukan dan perbandingan, tetapi tidak boleh dipegang sepenuhnya sebagai tepat.

Kewartawanan adalah kerjaya penting dalam sesebuah masyarakat dan negara kerana matlamat utamanya memerdekan

pemikiran rakyat. Maknanya kewartawanan yang baik sentiasa mendukung kepentingan rakyat dengan cara menyampaikan segala perkembangan sebagai asas pertimbangan.

Di negara maju, wartawan adalah tunggak keempat (*fourth estate*) selepas judiari, legislatif dan eksekutif. Itulah kedudukan wartawan yang sebenarnya. Wartawan yang bermoral dan beretika tidak bekerja untuk kepentingan ketiga-tiga tunggak tadi, sebaliknya untuk rakyat.

Semua itu menunjukkan hal yang berkaitan etika tidak ada kena mengena dengan AI. Kalau sememangnya seseorang itu beretika, menggunakan mesin taip rongak pun yang tetap tinggi etikanya. Kalau tidak beretika, menggunakan komputer paling canggih yang lengkap dengan AI pun tidak akan mengubah sifat tidak beretika itu.

Kewartawanan bukan bidang yang bersifat mekanikal, sebaliknya lebih memerlukan pemikiran dan rasa manusia yang tinggi terhadap sesuatu.

AI sememangnya mampu mempercepatkan kerja-kerja kewartawanan. Sekalipun begitu perkara penting lagi teras bukan sahaja cepat tetapi tepat. Maknanya ketepatan fakta itu dipertahankan sekalipun pada masa tertentu sudah berubah – putih menjadi hitam atau hitam menjadi putih.

Malah maksud ketepatan dalam konteks etika kewartawanan bukan hanya angka yang betul. Ketepatan yang dimaksudkan adalah pengertian yang boleh disimpulkan daripada sikap wartawan yang terserlah dalam karya kewartawanan di tangannya.


Kewartawanan yang berpaksikan etika merupakan landasan utama dalam memastikan kelangsungan kerjaya wartawan serta memperkukuhkan kepercayaan masyarakat terhadap media. Secanggih mana sekalipun AI tidak dapat membuat keputusan dan bertindak seperti wartawan.

Akan tetapi semua itu bergantung kepada sikap wartawan itu sendiri. Sekiranya hanya bekerja mengisi acuan (*template*) yang sudah disediakan, eloklah tugas itu diberikan kepada AI. Wartawan mesti tampil berbeza dengan dukungan etika yang tinggi dan terus menjadi tunggak keempat yang berkhidmat kepada rakyat.

SETIAP artikel penulis adalah pendapat peribadi, bukan pendirian Wilayahku.

RAGAM KOTA

MATOMATO



Sebarang maklumat berhubung Editorial Wilayahku, sila hubungi alamat tertera:

Ara 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.

Tel: 03-8861 5260 | E-mail: editorialwilayahku@gmail.com

ZULKIFLI SULONG

KALAU kita ke Kuala Lumpur sekarang, tentu ramai yang perasan gerai-gerai penjaja di ibu kota jauh lebih baik berbanding dahulu. Bukan setakat jauh lebih baik bahkan ia lebih indah dan tersusun rapi serta bersih.

Sebenarnya, ia bukan berlaku di Kuala Lumpur sahaja malahan di seluruh negara.

Itulah yang akan kita lihat apabila mengunjungi pusat-pusat penjaja di seluruh negara. Semuanya menyenangkan dan membuatkan kita makan dengan lebih selera.

Memperindahkan pusat penjaja tidak pernah terfikir oleh pemimpin sebelum ini tetapi ia menjadi mercu tanda betapa prihatin dan dekatnya Datuk Seri Anwar Ibrahim dengan rakyat bawahan.



PENULIS BEBAS

Ia bermula dengan arahan Perdana Menteri pada 23 Jun 2023 lalu bila mana beliau mengarahkan pihak berkuasa tempatan dan kerajaan negeri menaik taraf gerai-gerai penjaja.

Pada hari itu, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyeru semua kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan supaya mempunyai dasar dan perancangan jelas dalam usaha menaik taraf dan mengindahkan gerai dan warung seluruh negara.

Katanya beliau berbincang dengan Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT), Menteri Besar dan Ketua Menteri, agar pihak berwajib berkenaan mempunyai dasar yang sama dalam membangun kemudahan medan selera, gerai atau warung yang menyumbang kepada pendapatan rakyat terbanyak.

"Saya telah bincang dan jelaskan mengenai hasrat kerajaan kepada Menteri Besar, Ketua Menteri berkaitan usaha membangun kemudahan rakyat terbanyak ini, asasnya adalah untuk mengangkat martabat serta memberi penghormatan ihsan kepada golongan berpendapatan rendah.

"Saya harap dalam beberapa bulan ini kita dapat lihat kerajaan negeri dan juga majlis perbandaran berkaitan keluar dengan rencana sendiri mengenai usaha membangun kemudahan ini di seluruh negara," katanya ketika berucap merasmikan medan selera D'Anjung Selera MADANI di Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur.

Anwar sekali lagi mengulangi gesaan ini ketika berucap di negeri kampung halaman beliau, iaitu Pulau Pinang.

Beliau meminta semua kerajaan negeri memberi fokus kepada penambahbaikan warung, gerai dan penjaja kecil sebagai simbol



BILANGAN pengunjung semakin bertambah ekoran penambahbaikan pusat penjaja oleh PBT.

BETAPA DEKAT PM DENGAN RAKYAT

identiti kota selain memastikan kebersihan dan keselesaan bagi semua.

Jelas beliau, ia adalah usaha untuk memastikan pembangunan yang lebih adil dan inklusif susulan hampir 80 peratus rakyat lebih cenderung memilih untuk makan dan berbelanja di warung-warung kecil berbanding restoran besar.

"Tahun pertama (jadi Perdana Menteri) saya tak fokus pembangunan mercu tanda sebaliknya minta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) jadikan ibu negara dikenali dengan kebersihan, gerai, warung, restoran kecil bersih dan indah.

"Bila bercakap pasal kota, gedung-gedung besar biar pihak swasta buat... dia (pihak swasta) nak buat bangunan, hotel dia buat. Kerajaan negeri saya minta tumpu kepada warung dan gerai penjaja.

"Tak malu ka bukan main hebat Pulau Pinang, Kuala Lumpur, Johor Bahru tapi bila tengok gerai warung yang hampir 80 peratus rakyat kita pergi makan macam nak roboh, lampu tak menyala, tandas busuk dan kotor. Ada bangga kita begitu?

"Sebab itu penting untuk memperbaiki infrastruktur seperti tandas, bumbung dan lampu di kawasan perniagaan kecil bagi meningkatkan pengalaman rakyat," katanya

ketika berucap pada Majlis Perasmian Hari Penjaja dan Peniaga Kecil Peringkat Kebangsaan 2024 di Pusat Konvensyen PICCA 2 November baru-baru ini.

DBKL pula sedang menyusun semula penjaja di ibu kota termasuk pemegang lesen KL MADANI bagi memastikan mereka dapat berniaga secara sah di tapak gerai yang lebih formal dan berstruktur melalui program Lestari Niaga.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa berkata, sepanjang tahun 2023 dan 2024, Program berkenaan telah memberi manfaat kepada 2,621 peniaga dan penjaja kecil melalui pelaksanaan 83 projek di 76 lokasi gerai makanan dan pasar.

Katanya, Program Lestari Niaga akan diteruskan bagi tahun 2025 dengan cadangan pelaksanaan 20 projek yang dianggarkan melibatkan 1,300 penjaja.

"Kita perlu akui penjaja memainkan peranan penting dalam menyediakan produk, khususnya makanan siap masak pada harga yang lebih mampu milik kepada warga kota.

"Namun begitu, saya juga mengambil maklum akan aduan daripada sesetengah komuniti yang terjejas akibat kacau ganggu daripada aktiviti penjaja, terutamanya penjaja

tanpa lesen.

"Sehubungan itu, DBKL akan meningkatkan tindakan penguatkuasaan bagi memastikan pematuhan garis panduan dan kesejahteraan awam tetap terjaga.

"Penjaja yang masih beroperasi di bahu jalan dan kaki lima perlu dipindahkan melalui Lestari Niaga kerana tidak semua kawasan di Kuala Lumpur adalah sesuai untuk aktiviti penjaja," katanya pada sesi jawab lisan di Dewan Rakyat 9 Disember 2024 baru-baru ini.

Sesungguhnya mendekati penjaja bermakna mendekati masyarakat bawahan. Ini kerana golongan inilah sebelum ini yang kais pagi makan pagi dan kais petang makan petang yang sedang dinaik taraf.

Golongan atasan jarang menjenguk mereka kerana golongan kurang mampu sahaja yang akan makan di gerai-gerai penjaja ini. Namun dengan usaha menaik taraf gerai-gerai penjaja bererti pemimpin negara sekarang benar-benar mendekati golongan marhaen dan berusaha menaik taraf kehidupan mereka.

Semoga usaha baik ini dilihat dengan hati nurani oleh semua pihak dan menyokongnya, bukan asyik bermain politik sahaja.

SETIAP artikel penulis adalah pendapat peribadi, bukan pendirian Wilayahku.

Laluan awam terhalang



Peniaga asing degil

INGATAN dan amaran sudah diberi. Tindakan juga sudah diambil terhadap para peniaga yang meninggalkan peralatan niaga mereka di laluan awam sehingga mendatangkan masalah kepada orang ramai. Namun masalah ini tetap berterusan dan entah bila akan berakhir.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) terpaksa bertindak tegas merampas dan menyita peralatan niaga yang ditinggal di lokasi seperti kerusi meja dan lain-lain.

Kawan-kawan Kedai Kopi menyokong usaha berterusan DBKL tanpa kompromi menyita halangan ini. Banyak operasi sita dijalankan di seluruh Kuala Lumpur,

termasuk baru-baru ini di sekitar Jalan Ampang Kiri, Jalan Cemur dan Jalan Tuanku Abdul Rahman (Pasar Sudirman).

Sukar sangatkah bagi peniaga memahami laluan awam mesti sentiasa dikosongkan? Berniaga di laluan awam itu sendiri satu kesalahan.

Kawan-kawan Kedai Kopi harap DBKL akan terus membanteras perbuatan menutup laluan awam serta bertindak tegas kepada pemilik yang tetap degil. Jangan biarkan ada elemen yang boleh mencacatkan pemandangan dan keindahan Kuala Lumpur sebagai ibu kota yang kita banggakan.

WARGA asing tidak dibenar berniaga, termasuk sebagai penjaja atau peniaga kecil. Mereka juga tidak dibenar menjadi pekerja atau pembantu di bawah lesen penjaja di premis pihak berkuasa tempatan (PBT) termasuk Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Perkara ini ditegaskan lagi oleh Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Datuk Aiman Athirah Sabu.

Di ibu negara terdapat ramai peniaga asing berniaga secara haram atau bekerja di premis niaga sedangkan itu tidak dibenarkan. Peraturan DBKL adalah selari dengan peraturan PBT lain.

Tahniah DBKL kerana gigih berusaha membanteras kegiatan warga asing ini.

Lebih teruk ada pemegang lesen warga tempatan bersubahat dengan peniaga warga asing dengan menyewakan premis kepada mereka. Lesen diberi tetapi tidak mahu berniaga, sebaliknya mencari untung mudah dengan menyewakannya.

Sepandai-pandai tupai melompat akan jatuh ke tanah. Peniaga asing atau peniaga tempatan yang memberi sewa akan terjerat juga. Kawan-kawan Kedai Kopi harap DBKL ambil tindakan tegas terhadap warga asing. Juga senarai hitam peniaga tempatan yang bersekolong dengan mereka.



Pembiayaan Peribadi-i



Ahli kumpulan MBSB Group

RASAI KETENANGAN

Pengalaman baru bersama kami

Penangguhan
Bayaran
3 Bulan

Kadar Pembiayaan
Serendah
2.96%
Setahun

Pembiayaan
Sehingga
RM 400,000



GANJARAN EMAS UNTUK DIMENANGI. TEMPOH TERHAD, MOHON SEKARANG!

Peringkat	Peringkat 1	Peringkat 2	Peringkat 3
Hadiah	0.25g x300	0.50g x390	1.00g x480
Jumlah Pembiayaan	RM100,000 - RM199,999	RM200,000 - RM299,999	RM300,000 dan ke atas



Imbas kod QR untuk maklumat lanjut dan hantar permohonan anda melalui



Tertakluk kepada Tema dan Syarat

SENTIASA MENGIRINGI ANDA

PL lancar Jom Ronda Bersepadu Skim Rondaan Sukarela

SIFAR JENAYAH MAMPU DICAPAI

KHAIRUL IDIN

BAGI menjamin keselamatan dan ketenteraman warga pulau ini, Perbadanan Labuan (PL) komited melaksanakan pemantauan menerusi pelancaran Program Jom Ronda Bersepadu Skim Rondaan Sukarela (SRS) dan Kempen 1 Keluarga 1 Anggota SRS.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif PL, **Mohd Sukuran Taib**, pelaksanaan program itu bertujuan bagi memastikan keselamatan, kesejahteraan dan keharmonian komuniti selaras dengan hasrat kementerian sifar jenayah.

Katanya, dengan adanya program itu bukan sahaja dapat mengekang sebarang aktiviti yang tidak bermoral dan jenayah malahan dapat melahirkan komuniti yang prihatin dan saling bekerjasama dalam pelbagai aspek.

"Kerjasama komuniti amat diperlukan oleh PL sebagai pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam memastikan kadar jenayah di pulau ini dapat dibendung. Kita sentiasa mengalu-alukan kerjasama semua pihak agar tujuan objektif program ini dapat diperluaskan ke setiap kampung di Labuan agar matlamat kadar sifar jenayah itu dapat dicapai sekali gus menjadikan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan yang harmoni, sejahtera dan tenteram," katanya kepada pemberita pada pelancaran Program Jom Ronda Bersepadu SRS dan Kempen 1 Keluarga 1 Anggota SRS di Balai

Raya Kampung Kilan Pulau Akar.

Sementara itu, Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Kampung Kilan Pulau Akar, Anjam Acho menyambut baik program yang dilaksanakan PL itu sebagai usaha murni dalam memastikan keselamatan terjamin.

Katanya, pihaknya akan sentiasa memberikan kerjasama yang erat dengan pihak PL dalam melaksanakan tugas rondaan dan sentiasa berusaha memastikan keselamatan persekitaran kampung terjamin daripada sebarang unsur-unsur jenayah ataupun aktiviti tidak bermoral.

"Kami sebagai komuniti kampung ini dan ahli KRT amat berbesar hati dengan usaha yang dilaksanakan oleh PL ini dan kami juga menyokong sepenuhnya inisiatif ini demi menjaga kesejahteraan komuniti daripada sebarang jenayah.

"Dengan kekuatan ahli SRS seramai 20 orang, kita akan melaksanakan rondaan secara berterusan di sekitar kampung terutamanya pada waktu malam dan musim cuti umum serta perayaan. Sebelum ini, terdapat banyak jenayah yang berlaku di sini terutamanya kes pecah rumah dan kecurian kenderaan.

Beliau berkata, pelaksanaan program itu dapat menggalakkan penglibatan golongan remaja dalam membanteras jenayah



SUKURAN (tengah) menyampaikan sijil penghargaan kepada Pengarah Jabatan Perpaduan Labuan, **DSP Chai Yee Siang**.

sekali gus membantu pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam mengurangkan kadar jenayah.

"Dengan usaha ini, kita percaya kadar jenayah dapat dibendung dengan pemantauan secara

berterusan dan matlamat untuk mencapai kadar sifar jenayah itu mampu dicapai," katanya. 

Feri Labuan-Kota Kinabalu ditangguh



PERKHIDMATAN feri ekspres yang dijadualkan pertengahan Disember ditangguh susulan beberapa faktor. - Gambar hiasan

PENGOPERASIAN bagi perkhidmatan feri ekspres yang dijadualkan bermula pertengahan Disember ini ditangguhkan susulan mengalami beberapa faktor yang tidak dapat dielakkan.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif LDA Labuan-Holdings Sdn Bhd, **Mohd Noor Halim Zaini**, penangguhan pengoperasian semula perkhidmatan bot ekspres itu diambil susulan beberapa isu teknikal yang tidak dapat dielakkan di mana memerlukan sedikit masa untuk memastikan feri yang digunakan disahkan dari segi aspek keselamatan, penyelenggaraan dan mematuhi prosedur pengangkutan penumpang.

Katanya, LDA sedang mendapat kelulusan kebenaran penggunaan kemudahan jeti di Sabah dan kelulusan dari segi kemudahan lain yang berkaitan supaya menepati keperluan pendaratan feri penumpang yang beroperasi.

"Kami bagi pihak LDA memohon maaf atas kelewatan ini dan akan

berusaha sebaik mungkin untuk memastikan perjalanan laluan Labuan-Kota Kinabalu-Labuan dapat dilaksanakan secepat mungkin," katanya dalam satu kenyataan, baru-baru ini.



NOOR HALIM

LDA merupakan operator Terminal Feri Antarabangsa Labuan dan Double Power adalah operator feri ekspres Labuan-Kota Kinabalu.

Terdahulu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa memaklumkan bahawa perkhidmatan feri ekspres Labuan-Kota Kinabalu bakal beroperasi semula pada 15 Disember ini selepas hampir tiga tahun dihentikan susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pandemik COVID-19.

Zaliha menegaskan pelaksanaan semula perkhidmatan feri ekspres ke Kota Kinabalu itu menjadi satu langkah dalam meningkatkan hubungan pulau itu sekali gus dapat merancakkan semula ekonomi Labuan. 

‘Bercahaya’ menerusi LAMPU 2024

MENERANGI MASA DEPAN

SEJAJAR Pelan Induk Pencahayaan Putrajaya, Festival Light & Motion Putrajaya (LAMPU 2024) akan meneruskan legasi penganjuran dengan pertunjukan Pemetaan Cahaya Mega yang dipancarkan ke bangunan Istana Kehakiman sebagai layar utama.

LAMPU antara acara ikonik anjuran Perbadanan Putrajaya (PPj) dengan sokongan Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP).

LAMPU menjadi platform untuk menonjolkan Pelan Induk Pencahayaan Putrajaya dengan memanfaatkan latar ikonik seni bina Putrajaya. Sejak penganjuran pertama pada 2013, acara ini berjaya menarik ribuan pengunjung hingga menjadikannya sebagai salah satu acara utama dalam kalendar pelancongan Malaysia.

Festival kali ini dijangkakan menjadi yang terbesar sepanjang lapan kali penganjuran dengan sasaran kehadiran lebih 1 juta pengunjung sepanjang lima hari bermula 27 hingga 31 Disember ini bertempat di Dataran Putrajaya, Presint 3.

Penganjuran ini bukan sahaja bertujuan memberi pengalaman unik kepada pengunjung tetapi juga memupuk inovasi seni dalam kalangan pencipta tempatan, sejajar usaha Putrajaya sebagai pusat pelbagai seni dan kreativiti.

Wartawan Wilayahku, **SABRINA SABRE** bersua muka dengan Jurutera Bahagian Pengurusan Fasiliti, Jabatan Kejuruteraan dan Penyelenggaraan PPj, **HALINA MAJMIN ABDUL HALIM** untuk mengetahui lebih lanjut mengenai LAMPU 2024.

Apakah tarikan utama LAMPU 2024?

Penganjuran festival ini memberi tumpuan kepada keindahan dan keunikan seni bina bangunan, jambatan serta suasana bandar dalam taman yang dipenuhi cahaya berwarna-warni melalui mod pencahayaan festival.

Festival LAMPU 2024 berkonsepkan futuristik dengan menonjolkan pengisian antaranya pertunjukan Pemetaan Cahaya Mega yang akan dipancarkan pada fasad Bangunan Istana Kehakiman; Revolution Street dan Techno Street berkonsepkan lampu kinetik dan teknologi pencahayaan moden; Futuristic Garden berkonsepkan landskap moden; Gaming Fest; perarakan lima kereta berhias; Pentas Mini 1 & 2 (berhadapan Menara Tulus & Prisma); persembahan busker; *trone dance*; *street dance*; persembahan kebudayaan dan pelbagai lagi pengisian menarik yang dijangka memikat pengunjung.

Setiap kali penganjuran LAMPU, tarikh yang dipilih adalah pada hujung tahun supaya ia dapat diadakan bersama sambutan tahun baharu. Begitu juga tahun ini, *highlight* acara adalah pada malam Sambutan Ambang Tahun Baharu 2025 yang akan disambut bersama Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa.

Selain bersama-sama mengira detik menuju tahun baharu, pengunjung dapat menikmati persembahan menarik pasukan kawad senyap Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan barisan

selebriti terkenal tanah air.

Apakah kelainan penganjuran kali ini?

Tema Menerangi Masa Depan untuk LAMPU 2024 bertujuan menyampaikan mesej tentang aspirasi masyarakat masa kini dan akan datang. Ia membawa mesej yang mendalam tentang harapan, inovasi dan kesinambungan.

Tema ini mencerminkan visi Putrajaya sebagai sebuah bandar pintar yang progresif, memanfaatkan teknologi moden serta kreativiti seni untuk membentuk masa depan yang lebih cerah dan mampan.

Melalui tema ini, LAMPU 2024 berusaha menegakkan beberapa elemen utama dengan menonjolkan kemajuan teknologi seperti pemetaan unjuran, seni digital dan instalasi bercahaya interaktif sebagai lambang transformasi masa depan.

Selain itu, meningkatkan kesedaran tentang kepentingan pembangunan lestari dengan menggunakan pencahayaan cekap tenaga dan elemen mesra alam dalam pameran, mengajak masyarakat pelbagai lapisan untuk bersama-sama menyambut kemajuan di samping memperkukuh hubungan antara komuniti, budaya dan teknologi.

Seterusnya, mencetuskan imaginasi dan inspirasi kepada generasi muda, mencabar mereka untuk membayangkan dan mencipta dunia masa depan yang lebih baik melalui inovasi dan kreativiti.

Secara keseluruhannya,



PELBAGAI pengisian menarik dan istimewa menanti pengunjung Festival LAMPU 2024.

tema Menerangi Masa Depan mencerminkan wawasan Putrajaya sebagai bandar pintar yang bercirikan inovasi, kelestarian dan inspirasi untuk mencapai kemajuan dalam harmoni.

Adakah LAMPU 2024 menjanjikan satu acara bertaraf dunia yang menakjubkan seperti yang diadakan di negara-negara lain?

Kami selaku pihak penganjur berharap acara ini bukan sahaja dikenali di Malaysia tetapi turut tersenarai dalam peta penganjuran bagi acara seumpamanya di seluruh dunia.

Untuk makluman, Putrajaya adalah ahli Lighting Urban Community International (LUCI) sejak 2002. LUCI adalah sebuah organisasi antarabangsa yang menjadi penaung bandar-bandar utama di dunia. Keanggotaan LUCI terdiri daripada golongan profesional dalam teknologi pencahayaan terkini, merangkap pemangkin kepada pembangunan bandar, sosial dan ekonomi di samping memberi penekanan kepada isu-isu alam sekitar dan kemampanan bandar.

Sebanyak 67 bandar raya tersenarai sebagai ahli LUCI, antaranya Glasgow, Budapest dan Moscow. Penganjuran LAMPU turut mendapat liputan meluas pada ahli LUCI di serata dunia dan ia turut dipromosikan seiring festival pencahayaan negara-negara lain.

Lampu 2024 bakal menawarkan pelbagai tarikan dengan menggunakan peralatan berteknologi canggih serta menggunakan pelbagai variasi lampu jenis LED setanding acara LUCI seperti di Lyon Lighting Festival,

Berlin Festival of Lights, Amsterdam Light Festival dan Lumiville.

Apakah kemudahan yang disediakan sepanjang festival berlangsung?

Pihak PPj akan memastikan kawalan trafik oleh RELA, pegawai polis tempatan dan penguat kuasa trafik PPj.

Selain itu, 5,000 unit tempat letak kereta juga disediakan untuk menampung kemasukan kenderaan pengunjung, 65 gerai jualan makanan dan minuman dengan pelbagai jenis menu serta 20 *mobile food truck* termasuk perkhidmatan *shuttle bus* untuk kemudahan para pengunjung.

Berapakah bayaran masuk ke festival ini?

Untuk warganegara, tiket dewasa adalah sebanyak RM5 manakala RM2 buat kanak-kanak berusia tujuh hingga 12 tahun. Untuk bukan warganegara, tiket dewasa adalah RM27 manakala kanak-kanak bernilai RM12.

Tiket boleh dibeli secara *online* sebelum datang ke tapak acara ataupun beli secara terus di kaunter yang disediakan. Kaunter tiket akan dibuka seawal pukul 4.30 petang.

Caj tiket masuk ini mengambil kira kualiti penganjuran LAMPU pada tahun ini akan lebih baik daripada tahun sebelumnya. Bagi Pemetaan Cahaya Mega, LAMPU 2024 akan menggunakan 16 unit projektor berbanding 12 unit sebelum ini.

Selain tiket masuk ke tapak acara, terdapat satu lagi komponen berbayar sebagai pilihan kepada pengunjung iaitu Gaming Fest

(*indoor*) dengan harga serendah RM5 seorang tetapi sekiranya ingin membeli secara kombo bersama tiket masuk, tiket Gaming Fest akan dikurangkan kepada RM3, menjadikan harga kombo sebanyak RM8 bagi kedua-dua tiket masuk ke LAMPU dan Gaming Fest.

Harapan bagi Festival LAMPU pada tahun ini?

Sebagai penutup tahun 2024, pastinya LAMPU akan menjadi buah tangan istimewa PPj kepada seluruh rakyat Malaysia yang selama ini menyokong penganjuran pelbagai acara di Putrajaya.

Jadi besarlah harapan kami agar festival ini menjadi penutup tahun 2024 dan pembuka tahun 2025 dengan meninggalkan kenangan indah dan pengalaman unik kepada pengunjung sekali gus menjadikan festival ini lebih daripada sekadar acara tetapi sebuah simbol harapan, kreativiti dan masa depan yang cerah.

Melalui LAMPU 2024, PPj berharap dapat mengukuhkan legasi festival ini sebagai acara kebanggaan nasional sekali gus menjadi platform untuk terus mencipta inovasi yang menghubungkan seni, teknologi dan masyarakat.

Orang ramai boleh layari media sosial kami Facebook @Perbadanan Putrajaya; X @putrajayacorp; Instagram, YouTube dan TikTok @perbadananputrajaya serta melalui laman sesawang PPj di www.ppj.gov.my.

Jangan lupa untuk *hashtag* kami pada setiap hantaran anda iaitu #LAMPU2024, #lightandmotionputrajaya, #indahnyaputrajaya dan #menerangimasadepan.



PERTEMBUGAN Malaysia dan Thailand pada perlawanan penentuan kelima-keenam Kejohanan Piala Asia Remaja Wanita di Muscat, Oman.

Hoki wanita remaja laku sejarah tersendiri

YOUNG TIGRESS KE PIALA DUNIA

SABRINA SABRE

SKUAD hoki wanita remaja negara melakar sejarah tersendiri apabila buat pertama kalinya layak secara merit ke Piala Dunia Remaja Wanita 2025 di Santiago, Chile, tahun depan.

Malaysia menyambar tiket ke negara Amerika Selatan itu selepas membelasah Thailand 6-0 dalam perlawanan penentuan tempat kelima dan keenam pada Kejohanan Piala Remaja Asia 2024 di Stadium Hoki Al Amarat, Muscat, Oman baru-baru ini.

Penyerang, Nurshamine Azureen Mohammed Badusha mencuri tumpuan menerusi jaringan hatrik dengan kesemuanya berpunca daripada gol padang pada minit kedua, kesembilan dan ke-19 untuk membantu skuad negara mendominasi perlawanan.

Tidak cukup dengan itu, skuad Young

Tigress terus melebarkan kedudukan menerusi dua jaringan padang oleh Azmyra Mia Sofea Azhairi pada minit ke-30 dan ke-53 serta pukulan sudut penalti Thibatharshini James pada minit ke-47.

Lebih manis apabila Nurshamine Azureen dinobatkan sebagai pemenang Anugerah Bintang Meningkatkan Naik dan tonggak negara, Zati Alyani Muhammad Zubir dinobatkan sebagai Pemain Terbaik perlawanan tersebut.

Menerusi audio yang dikongsi Konfederasi Hoki Malaysia (KHM), Pengurus Pasukan, **Datuk Mohd Saiyuti Abd Samat** bersyukur dengan kejayaan skuad Young Tigress dan akan merancang melakukan siri jelajah di luar negara sebagai persediaan sebelum berjuang di Chile tahun depan.

"Para pemain juga bakal diberi pendedahan beraksi dalam saingan liga tempatan musim depan," katanya.

Terdahulu, Young Tigress menutup saingan Kumpulan A di kedudukan ketiga selepas mengumpul enam mata hasil dua kemenangan masing-masing ke atas Bangladesh (6-1) dan Thailand (3-0), selain mengalami dua kekalahan apabila tunduk 0-5 kepada India dan 0-4 oleh China.

Kedudukan itu menyaksikan Malaysia terpaksa beraksi dalam penentuan klasifikasi kelima hingga kelapan, dengan melepasi ujian pertama apabila berpesta gol 11-0 ke atas Hong Kong pada Sabtu, disusuli keputusan membanggakan berdepan Thailand baru-baru ini.

Kejohanan tersebut menawarkan lima slot ke Chile. 

SportExcel gilap bakat muda

YAYASAN Kecemerlangan Sukan Malaysia (SportExcel) bekerjasama dengan **Saif Nordin**, 14, sekali gus menandakan satu peristiwa penting dalam perjalanan karier atlet sukan lawan pedang negara yang sedang meningkat naik itu.

Pengerusi SportExcel, **Tunku Tan Sri Imran Tuanku Ja'afar** berkata, kerjasama itu memberi tumpuan kepada peringkat perkembangan kritikal Saif, seperti dihadapi kebanyakan atlet muda negara yang lain.

"Saif berada pada detik yang penting dalam perjalanan kariernya. Pada usia 14 tahun, keputusan-keputusan penting tentang masa depannya semakin menghampiri.

"Atlet berprestasi tinggi tidak dilahirkan dalam sekelip mata. Dalam kebanyakan kes, ia mengambil masa sedekad atau lebih bagi membentuk disiplin dan kemahiran yang diperlukan untuk cemerlang," katanya dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Ditubuhkan pada 1991, SportExcel telah menjadi penggerak dalam pembangunan sukan di Malaysia yang mana memainkan peranan penting dalam menyokong atlet muda menerusi bantuan kewangan dan program yang terancang.

Sementara itu, Saif yang berbesar hati dan teruja untuk menyertai keluarga SportExcel berazam untuk mengikut jejak langkah ramai atlet cemerlang yang berjaya melahirkan hasil sokongan yayasan berkenaan.

Terdahulu, remaja yang pernah mewakili Malaysia dan Selangor dalam pelbagai kejohanan antarabangsa itu menjalani latihan di Kelab Lawan Pedang Touche di Petaling Jaya di bawah bimbingan Ketua Jurulatih, Andrew Mok, jurulatih bertaualiah di bawah Persekutuan Lawan Pedang Antarabangsa (FIE) serta mendapat tunjuk ajar bekas jurulatih lawan pedang kebangsaan, Mok Chek Wlong. 



SAIF telah mewakili Malaysia dan Selangor dalam pelbagai kejohanan antarabangsa sukan lawan pedang.

Buka peluang OKU terlibat sukan sepak takraw



ASTAF mengambil pendekatan proaktif dengan mengorak langkah untuk mewujudkan sukan sepak takraw buat golongan OKU.

PERSEKUTUAN Sepaktakraw Asia (ASTAF) sedang giat berusaha untuk memastikan sukan sepak takraw diperkenalkan secara meluas kepada komuniti orang kurang upaya (OKU) di seluruh dunia.

Menurut Presiden ASTAF, **Datuk Abdul Halim Kader**, pihaknya akan menghantar surat cadangan kepada kerajaan bagi memastikan komuniti berkenaan diberikan peluang yang sama rata dalam dunia sukan selaras dengan usaha menggalakkan penyertaan mereka.

"Walaupun ia bukan tugas mudah, negara-negara yang terbabit sudah menunjukkan keterbukaan untuk melaksanakan perbincangan.

"Memandangkan ASTAF dan Persekutuan Sepaktakraw Antarabangsa (ISTAF) mempunyai jumlah ahli yang ramai, kami yakin dapat memastikan perkembangan sukan sepak takraw kepada sebanyak mungkin komuniti OKU di pelbagai negara," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Dalam pada itu, beliau turut memaklumkan perbincangan dengan negara-negara ahli ASTAF dan ISTAF menunjukkan tanda-tanda positif.

Abdul Halim yang juga Setiausaha Agung ISTAF berkata, pihaknya akan menghubungi Majlis Sukan Paralimpik setiap negara bagi mendapatkan sokongan terhadap pengenalan sukan sepak takraw kepada komuniti berkenaan.

"Saya pasti mereka yang istimewa atau mempunyai kelainan upaya fizikal ini mampu mencipta impak dalam meluaskan jangkauan sukan sepak takraw di peringkat Asia dan antarabangsa.

"Saya juga yakin menjelang 2025/2026, ISTAF boleh melaksanakan acara sepak takraw untuk komuniti ini di pelbagai negara sebagai langkah permulaan.

"Ini tidak hanya terhad kepada Malaysia bahkan Thailand, Indonesia, Iran, Singapura, India, Eropah, Amerika Syarikat dan Timur Tengah," katanya. 

KONTROVERSI 2024 JADI IKTIBAR

DEEL ANJER

TAHUN 2024 mencatat pelbagai kisah dalam dunia selebriti yang menjadi bualan ramai, termasuk cerita kepincangan rumah tangga yang diperkatakan sepanjang tahun ini seolah-olah perceraian menjadi satu trend.

Bukan itu sahaja, isu jenayah juga cukup membuatkan masyarakat ternanti-nanti keputusan mahkamah. Isu ini lebih tular apabila ia melibatkan pendakwah yang sepatutnya menjadi contoh atau ikutan ramai.

Sepanjang 2024 ramai selebriti terpalit dalam kontroversi. Aliff Aziz, Bella Astillah, Ruhainies, Fattah Amin, Fazura, Syamsul Yusof, Ira Kazar, Faisal Halim, PU Azman dan Da'i Syed antara yang jadi bualan.

Menerusi kisah ini, banyak pengajaran yang boleh diambil bergantung kepada penafsiran masing-masing. Setiap yang terjadi ada hikmahnya, tidak sia-sia. Kita boleh merancang apa sahaja, namun kita wajib yakin bahawa Allah adalah sebaik-baik perancang meskipun tidak tercapai dek akal kita yang terbatas. 



Pendakwah selebriti

KES yang melibatkan Syed Shah Iqmal (Da'i Syed) dan Pencetus Ummah (PU) Azman menjadi perhatian ramai kerana pendakwah dianggap sebagai ikon atau contoh kepada masyarakat.

Kisah Da'i Syed bermula pada tahun 2020 namun menjadi semakin kecoh tahun ini apabila dia dijatuhkan hukuman. Antara pertuduhan dibuat ke atasnya adalah merogol wanita berusia 23 tahun (ketika itu) di sebuah kondominium di I-City, Seksyen 7, Shah Alam, pada pukul 1.35 pagi, 11 September 2019 lalu.

Pada 10 April tahun lalu, Mahkamah Sesyen melepaskan dan membebaskan Da'i Syed daripada pertuduhan itu selepas pihak pendakwa gagal membuktikan kes prima facie terhadapnya, di akhir kes pendakwaan.

Selain kes ini, dia turut didakwa atas dua pertuduhan melakukan persetubuhan di luar tabii dan mencabul seorang penuntut sebuah kolej swasta, dilepaskan dan dibebaskan oleh Mahkamah Sesyen Petaling Jaya pada 31 Mei 2022 lalu, selepas pihak pendakwa gagal membuktikan kes prima facie terhadapnya.

Manakala PU Azman pula, pada 27 September 2024, dijatuhkan hukuman 24 tahun penjara dan dua sebatan atas dua pertuduhan kes amang seksual fizikal terhadap dua remaja lelaki pada 2022.

Pada 6 Disember 2024 pula, Mahkamah Majistret Klang menjatuhkan hukuman penjara 14 bulan atas tuduhan melakukan kelucahan melampau terhadap remaja lelaki pada 2022.

Pada 17 Disember 2024, Mahkamah Sesyen Seremban menjatuhkan hukuman tujuh tahun penjara dan dua sebatan atas empat pertuduhan pindaan kes amang seksual fizikal terhadap dua remaja lelaki di Nilai, Negeri Sembilan. 



Fattah Amin - Fazura

BERITA mengejutkan seluruh peminat tanah air apabila rumah tangga pasangan kegemaran ramai ini berantakan. Desas-desus mereka bakal bercerai ketika itu terjawab apabila Fazura memfailkan perceraian terhadap bekas suaminya itu pada September lalu.

Selepas tujuh tahun berkahwin, pasangan selebriti popular itu akhirnya sah bercerai talak satu di Mahkamah Rendah Syariah Petaling di Subang Bestari pada 7 Oktober lalu.

Untuk info, pasangan ini berkahwin pada 27 November 2017.

Setelah hampir dua bulan bercerai, Fazura dan Fattah selesai merekodkan persetujuan berkaitan nafkah idah dan anak perempuan mereka yang dipersetujui bersama sebelum ini.

Sebelum itu, kecoh apabila Fazura mendakwa dia nekad minta dilepaskan kerana Fattah berlaku curang terhadapnya. Malah, aktris itu mendakwa dia mempunyai bukti kecurangan Fattah.

Bagaimanapun Fattah menafikan semua dakwaan berkenaan selain menganggap tuduhan dilemparkan bertujuan memalukan dirinya.

Namun, apa yang berlaku tidak sesekali menjejaskan hubungan mereka dengan anak. Difahamkan, walaupun Fazura mendapat hak jagaan anak mereka, Nur Fatima Aisya, 4, Fattah masih dibenarkan bertemu anaknya itu. 

Aliff-Bella-Ruhainies

ISU paling hangat serta kontroversi yang membuat 'dada sesak' siang dan malam adalah kes khalwat Aliff Aziz dengan Ruhainies.

Kes ini cukup meluluhkan perasaan Bella Astillah setelah beberapa kali peluang diberikan untuk menyelamatkan rumah tangga. Apatah lagi, Aliff didakwa mempunyai skandal dengan kawan baik Bella.

Sejak kes itu, ramai netizen menggelarkan Ruhainies sebagai penyondol hebat kerana berlakon baik di hadapan teman rapatnya sendiri.

Akhirnya, Aliff dan Bella sah bercerai talak satu di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan pada 13 Jun lalu. Manakala kes khalwat Aliff dan Ruhainies ditangguhkan pada Februari depan.

Terdahulu, Aliff didakwa berada bersama Ruhainies mahramnya dalam keadaan yang menimbulkan syak di sebuah unit kondominium di Bukit Bintang pada

pukul 12.35 pagi, 9 Mac lalu. 



Syamsul Yusof-Ira Kazar

KISAH rumah tangga pengarah filem Mat Kilau, Syamsul Yusof dengan Ira Kazar tidak pernah sunyi sehinggalah mereka bercerai talak satu pada 5 September lalu.

Menurut peguam syarie yang mewakili Syamsul, Azmi Rais, mahkamah mengesahkan berlakunya pelanggaran lafaz taklik selepas Ira mengakui membuat hantaran di media sosial.

Ira melanggar taklik sebanyak lima kali selepas membuat hantaran di media sosial dalam keadaan rela dan tanpa paksaan bermula 14 Ogos lalu.

Kehadiran Ira sebagai isteri Syamsul sebelum ini dikatakan tidak mendapat restu keluarga. Malah rata-rata peminat mengecam Ira yang dikatakan punca musnahnya perkahwinan Syamsul dan Puteri Sarah sebelum ini.

Sepanjang hampir dua tahun hidup berumah tangga, mereka tidak dikurniakan anak. 



Faisal Halim

PADA Mei lalu, bintang Selangor FC dan skuad kebangsaan Faisal Halim telah diserang oleh individu tidak dikenali sehingga badannya mengalami luka teruk selepas disembah asid.

Faisal yang diserang ketika berada di sebuah pasar raya di Kota Damansara, Petaling Jaya itu, mengalami kecederaan melecur tahap empat.

Disebabkan kes ini belum selesai, rata-rata netizen membuat pelbagai andaian termasuk mendakwa ada unsur sabotaj dan dengki mahu menjatuhkan prestasi Faisal yang dilihat cemerlang.

Bagaimanapun menurut Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain, siasatan mengenai kes ini tidak pernah dihentikan. 

